


Jilid III
Bil. 4



Hari Jumaat
10hb Mac, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 621]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong—Y.B. Dato Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap)**
[Ruangan 687]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pandang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam)
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung)
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru)
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas)
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang)
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji)
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

Yang Berhormat TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG KEE TIAT (Ampang Jaya).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

.. TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

.. DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAHE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun)

.. PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrâu).

.. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

.. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

.. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

.. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Jumaat, 10hb Mac, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KEMATIAN IBU BERSALIN

1. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) jumlah peratus kematian ibu bersalin;
- (ii) jumlah kematian ibu bersalin mengikut pecahan di Bandar dan di Luar Bandar dan apakah sebab-sebabnya; dan
- (iii) apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Pada tahun 1987, kadar kematian ibu bersalin ialah 0.28 bagi setiap seribu kelahiran hidup. Angka ini, jika dibandingkan dengan angka pada tahun 1970, iaitu 1.48 bagi setiap seribu kelahiran hidup, telah jauh menurun.
- (ii) Kementerian Kesihatan tidak menyimpan perangkaan kematian ibu bersalin mengikut pecahan bandar dan

luar bandar. Kementerian Kesihatan hanya menyimpan perangkaan tersebut mengikut pecahan negeri dan daerah.

Antara sebab-sebab utama kematian ibu bersalin ialah pendarahan selepas bersalin, masalah perubatan yang dihadapi oleh ibu seperti sakit buah pinggang dan penyakit sistem pernafasan, penyakit jantung yang dikaitkan dengan kehamilan, pendarahan kerana lekat uri, jangkitan kuman semasa dalam pantang serta darah tinggi semasa kehamilan.

Sebahagian kes risiko tinggi pula tidak mengikut nasihat supaya bersalin di hospital tetapi bersalin di rumah di mana kemudahan rawatan tidak mencukupi terutamanya dalam keadaan kecemasan.

Di samping itu, masih ada ibu-ibu yang menggunakan perkhidmatan bidan-bidan kampung yang tidak terlatih untuk mengendalikan kes-kes berisiko tinggi.

- (iii) Untuk mengatasi masalah ini Kementerian Kesihatan menjalankan 3 strategi utama. Pertama, Kementerian Kesihatan Malaysia sedang meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan ibu dengan menggalakkan semua ibu-ibu mengandung mendapatkan rawatan semasa

mengandung secepat mungkin, terutama bagi mereka dalam golongan risiko tinggi.

Kedua, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa menentukan agar semua ibu dapat bersalin dalam keadaan selamat. Hanya kes-kes normal sahaja dibenarkan bersalin di rumah.

Semua kes berisiko tinggi telah, sedang dan akan dinasihatkan supaya bersalin di hospital. Strategi ketiga ialah menentukan supaya tidak ada komplikasi yang timbul selepas bersalin. Ini ditentukan melalui pengawasan yang rapi di rumah serta di klinik.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia juga mempunyai program pelajaran kesihatan yang lengkap untuk mendidik ibu-ibu tentang penjagaan kesihatan dan penggunaan perkhidmatan kesihatan.

Sebagai langkah lanjutan, Kementerian Kesihatan juga menyediakan lebih banyak kemudahan kesihatan. Bagi tempat-tempat yang tidak ada kemudahan tetap, pasukan bergerak diadakan.

Tuan Ismail bin Said: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sementara tadi, beliau ada menyatakan bahawa Kementerian beliau ada menyimpan rekod mengenai kematian ibu bersalin di peringkat negeri dan juga daerah. Saya ingin tahu negeri manakah yang mempunyai kadar kematian ibu bersalin yang paling tinggi, dan daerah manakah yang mengalami kematian ibu bersalin yang paling tinggi di negara kita. Dan

bagaimanakah keadaan kemudahan perubatan dan rawatan di negeri dan daerah yang berkenaan.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada rekod di sini berhubung dengan kadar kematian ibu bersalin di negeri sahaja. Jadi, untuk daerah saya meminta notis. Untuk tahun 1987, di sini saya dapati yang paling tinggi kadar itu ialah negeri Perlis, diikuti dengan negeri Pahang. Di negeri Perlis, kadar itu ialah 0.58 dan di negeri Pahang 0.42 untuk tiap-tiap seribu kelahiran hidup. Dan untuk soalan 2 itu tentang keadaan kemudahan perubatan dan kesihatan di negeri-negeri yang berkenaan itu, apa yang dapat saya katakan secara umum ialah pada keseluruhannya kemudahan kesihatan dan perubatan di semua negeri itu agak memuaskan dan Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk membaiki dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan perubatan dan kesihatan di semua negeri.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berhubung dengan program-program dan berbagai lagi rancangan yang telah diatur bagi kepentingan rakyat Malaysia. Saya ingin bertanya, sehingga ke hari ini banyak lagi penduduk di luar bandar menghadapi khususnya kematian anak-anak itu yang berlaku di luar bandar, maka banyak di luar bandar berkehendakkan klinik-klinik dan bidan-bidan yang patut diperbekalkan, sebab masih lagi kekurangan dan ada kalanya di tempat-tempat itu tidak ada langsung kemudahan demikian dan ada kalanya banyak tempat-tempat yang ada kemudahan dipertambahkan lagi. Oleh itu, saya ingin bertanya pihak kementerian bilakah program-program itu dapat disegerakan ke luar bandar bagi mengelakkan kematian kelahiran bayi.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mempunyai rancangan untuk menyediakan projek yang disebutkan itu secara berperingkat-peringkat.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya menghairani di atas kemudahan yang sedia ada di zaman teknologi ini dengan kemudahan komputer, yang saya rasa mudah untuk kita memecahkan keperluan angka kematian di bandar dan di luar bandar dan juga mengikut angka bersalin di rumah. Jadi, kalau data yang semudah itu agak sukar untuk disimpan, saya khuatir data-data yang lebih penting untuk kepentingan manusia dari segi kesihatan akan lagi sukar. Oleh yang demikian, apakah puncanya yang sebenarnya dan di manakah kelemahan Kementerian Kesihatan ini dan juga soalan yang kedua, adakah disebabkan kelalaian sedikit sebanyak yang telah menjejaskan ataupun meningkatkan angka-angka kematian ibu-ibu bersalin. Contohnya yang nyata baru-baru ini 15 hari seorang ibu yang anaknya telah meninggal dalam perut tetapi masih lagi gagal pihak doktor yang berkenaan di Hospital Besar Kuala Lumpur untuk mengeluarkan anak yang demikian, dan terpaksa berkeras barulah dikeluarkan anak yang telah pun meninggal selama dua minggu itu. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberikan penjelasan di atas kes ini?

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pecahan angka kematian di bandar dan luar bandar itu sebenarnya bukanlah satu kelemahan ataupun satu kelalaian Kementerian Kesihatan, cuma dari segi profesional didapati bahawa pecahan itu pada ketika ini tidak perlu kerana masalah yang lebih penting ialah langkah-langkah untuk mencegah kematian ibu bersalin itu, baik kematian itu berlaku di luar bandar

atau dalam bandar, cara-cara untuk mengatasinya adalah sama.

Jadi apa yang lebih penting ialah langkah pencegahan, bukan pecahan angka yang detil itu dan sekiranya pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan mendapati dari segi profesional perlu dibuat pecahan angka itu, maka pasti Kementerian Kesihatan akan memikirkan atau mempertimbangkan perkara itu.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang kedua belum dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang kedua berkenaan satu kes spesifik.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis untuk memberikan jawapan kepada kes spesifik itu.

KILANG KERTAS ASEAN DI IPOH

2. **Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan equity structure kilang kertas ASEAN yang didirikan di Ipoh. Apakah manfaat yang boleh didapati oleh ekonomi tempatan khususnya dan ekonomi negara amnya, baik dari segi penggunaan sumber modal dan pasaran.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, struktur ekuiti projek kilang kertas syarikat ASEAN Security Paper Mills Sdn. Bhd adalah seperti berikut:

Malaysia	= 51%
Negara Anggota ASEAN lain:	
Brunei Darussalam ..	10%
Indonesia	2.5%
Singapura	2.5%
Thailand	2.5%
Filipina	2.5%
Negara-negara bukan ASEAN	= 29%
	<hr/>
	100%
	<hr/>

Oleh kerana projek kilang kertas ini merupakan sebuah projek usahasama perindustrian ASEAN (AIJV), maka pengeksporan keluaran kertas dari kilang ini ke negara-negara ASEAN akan mendapat potongan kadar tarif import sebanyak 90%. Ini bererti keluaran siap syarikat ASEAN Security Paper Mills akan dapat diperluaskan ke pasaran negara-negara ASEAN dan pasaran ini terjamin memandangkan negara-negara ASEAN yang terlibat dalam projek ini tidak dibenarkan mewujudkan projek yang sama dalam tempoh 3 tahun mulai dari tarikh pengeluaran ASEAN Security Paper Mills.

Malaysia yang kini mengimport "Security Paper" untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan akan dapat mengurangkan pengaliran keluar matawang dengan pelaksanaan projek di atas kerana keperluan "Security Paper" nya akan di dapati daripada kilang ini.

Selain daripada itu, penempatan projek ini di Malaysia akan meningkatkan imej negara sebagai pengeluar "Security Paper" di rantau ASEAN.

Dari segi faedah kepada ekonomi tempatan, penempatan kilang ini di Perak akan dapat memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan di samping menolong menggerakkan pembangunan perindustrian di negeri Perak Darul Ridzuan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peratusan ekuiti dan sumbangan pelaburan, Malaysia menyumbang 51%, negara ASEAN lain 2.5% masing-masing kecuali Brunei Darussalam 10% dan yang lain-lain 29%. Jadi, ini adalah menunjukkan bahawa ketara sangat Malaysia ini mempunyai sumbangan yang begitu besar. Adakah pihak Kerajaan telah

menganalpasti sebab-sebabnya yang boleh kita dapati mengapakah negara-negara ASEAN yang lain nampaknya kurang berminat dalam projek ini, kalau dipandang dari segi sumbangan pelaburan yang ada. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan yang pertama tadi apakah sebab minat nampaknya kurang baik dari negara ASEAN yang lain.

Yang kedua, walaupun kita katakan bahawa negara-negara ASEAN tidak dibenarkan atau boleh mewujudkan atau menubuhkan kilang-kilang ini selama tiga tahun, apakah jaminan konkrit yang diberikan oleh negara-negara itu, kalau sekiranya ada dari segi perjanjian yang telah dibuat.

Yang satu lagi soalan yang ketiga ialah.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang kedua sudah cukuplah.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ini sebahagian daripada yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sudah cukuplah soalan itu.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Bagaimanakah jaminan pasaran.....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sudah cukuplah. Ahli Yang Berhormat, itu bukan sebahagian dari soalan kedua. Sudah cukuplah soalan itu. Sila jawab dua soalan.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Simunjan hendak mengetahui apakah sebabnya negara anggota ASEAN yang lain tak berminat kepada projek ini, saya mencadangkan beliau bertanya kepada negara-negara itu.

Berhubung soalan yang kedua, di sini saya ingin memberikan latar belakang syarikat itu. Yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pertanyaannya adakah jaminan negara yang lain tidak akan mengeluarkan bahan itu selama dalam tempoh 3 tahun?

Dato' Kok Wee Kiat: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua ialah bagaimana atau mengapa tiga tahun dia tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bagaimanakah jaminannya negeri-negeri yang lain itu tidak mengeluarkan kertas itu dalam masa tiga tahun.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, projek ini diluluskan pada 15-1-85 dengan tapak di Sepitang, Sabah. Tetapi pada bulan Februari 1987 tapak projek dipindahkan kepada Setiawan, Perak.

Di sini projek ini masih dalam peringkat perancangan dan mengikut laporan teknikal oleh pakar perunding, projek akan mula beroperasi menjelang penghujung tahun 1990 atau 1991. Oleh hal yang demikian ini, Kementerian telah memberi lanjutan pelaksanaan projek itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pertanyaannya macam mana ada guarantee supaya negeri-negeri yang lain itu tidak mengeluarkan kertas itu dalam masa tiga tahun seperti yang dipersetujukan.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, perjanjian itu memang ada syarat-syarat mengenai AIJV.

BURSA KOMODITI KUALA LUMPUR—PENGLIBATAN PENIAGA

3. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bagaimana prestasi penglibatan peniaga tempatan dalam Bursa Komoditi Kuala Lumpur

(BKKL) dan apakah galakan yang diberikan kepada mereka.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, peniaga tempatan dalam Bursa Komoditi Kuala Lumpur (BKKL) adalah bererti peniaga-peniaga individu yang menjadi ahli BKKL dan peniaga bagi akaun dirinya sendiri atau akaun ahli penjelasan (clearing member) yang memberi jaminan kepada mereka.

Setakat ini cuma terdapat 12 orang sahaja peniaga individu yang menjadi ahli BKKL di mana hanya 8 orang sahaja yang aktif berniaga. Pada masa ini peniaga-peniaga tempatan hanya mengurusniaga dalam pasaran hadapan minyak kelapa sawit dan koko, sungguhpun lain-lain komoditi telah diperkenalkan dalam BKKL.

Dari bulan Mac 1988 hingga ke akhir Februari 1989 mereka telah mengendalikannya 9% daripada jumlah kontrak hadapan minyak kelapa sawit dan 5% kontrak hadapan koko. Penglibatan peniaga-peniaga tempatan telah memainkan peranan dalam meningkatkan kecairan pasaran atau, dengan izin, market liquidity.

Galakan yang diberikan kepada peniaga-peniaga individu pada masa ini ialah seperti berikut:

- (i) Kos urusan cuma \$22 sepusingan berbanding dengan \$102 bagi orang perseorangan yang berniaga melalui broker;
- (ii) Bayaran masuk cuma \$10,000 berbanding dengan \$50,000 bagi ahli-ahli korporat syarikat-syarikat broker;
- (iii) Tidak diwajibkan sentiasa mempunyai harga tangible bersih bernilai \$500,000 pada setiap masa yang diwajibkan ke atas ahli-ahli korporat;
- (iv) Tidak perlu menyumbang pada tabung pampasan berbanding dengan \$30,000

yang diwajibkan ke atas ahli-ahli korporat; dan

- (v) Memberi latihan perniagaan pasaran hadapan secara praktikal selama dua minggu ke atas exchange floor.

PENJUALAN PADI—KESULITAN PETANI

4. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pertanian menyatakan tentang kesulitan yang dihadapi oleh para petani dalam penjualan padi mereka kerana kadangkala pihak LPN tidak dapat membeli padi yang dibawa kepadanya disebabkan ketika itu kebetulan wang dalam simpanan sudah habis ataupun setor tempat menyimpan padi sudah penuh dan tidak ada tempat menyimpan padi lagi. Dengan demikian, maka tidak dapatlah LPN berkenaan membeli padi yang dibawa kepadanya pada ketika itu. Maka terpaksa petani berkenaan bersusah payah membawanya balik ke rumah. Justeru itu, bolehkah Kerajaan melaksanakan suatu sistem pembelian padi dengan cara mengadakan jadual lawatan pembelian padi di kampung-kampung agar para petani tidak lagi bersusah payah membawanya ke kilang LPN dan walaupun terjadi pihak LPN tidak dapat membeli padi mereka atas sebab yang diterangkan maka tidak lagi mereka bersusah payah untuk membawa balik ke rumah yang mana bukan sahaja melibatkan penggunaan tenaga tapi juga masa dan kewangan bagi tambang pengangkutan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, petani-petani bebas memilih sama ada untuk menjual padi mereka melalui pelesen-pelesen atau terus kepada kilang-kilang swasta atau kompleks-kompleks LPN. Di dalam urusan belian padi LPN bertindak sebagai pembeli terakhir. Dengan lain perkataan LPN tidak penolak padi yang dibawa oleh petani tidak kira apa

jenis dan keadaan padi tersebut walaupun buat masa itu belian LPN telah melebihi keupayaan kompleks-kompleks berkenaan.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormt dari Kota Belud adalah berkaitan dengan keadaan di Kota Belud. Masalah yang dihadapi oleh petani-petani di sana agak sukar diatasi oleh kerana Kota Belud tiada kemudahan bank. Di samping itu juga Bendahari Kecil Daerah hanya boleh mengeluarkan wang sebanyak \$9,999.99 sen dalam tempoh satu minggu. LPN sentiasa berusaha mencari jalan penyelesaian ke atas masalah-masalah yang dihadapi oleh pesawah-pesawah seperti membekalkan wang tunai daripada Inanam.

Pada awal bulan Februari, 1989 LPN telah membekalkan sebanyak \$100,000 wang tunai untuk menjelaskan tunggakan wang subsidi dan sehingga 28hb Februari, 1989 sebanyak \$80,000 telahpun dijelaskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 1989 jumlah padi yang telah dipasarkan di kawasan Kota Belud ialah 3,082.3 tan metrik dan subsidi sebanyak \$509,810.09 telah dibayar. Dari jumlah padi yang dipasarkan itu hanya 30 tan metrik untuk dijual pada kompleks LPN iaitu 1% daripada padi yang dipasarkan.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan syarat-syarat dan panduan yang telah diberikan oleh pihak LPN kepada pembeli-pembeli padi dan apakah tindakan pihak LPN terhadap pembeli-pembeli padi yang telah tidak mengikut syarat-syarat dan panduan-panduan yang telah diberikan oleh pihak LPN itu.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, pembelian padi daripada petani-petani adalah secara

bebas dan tidak ada syarat-syarat. Tetapi bila petani-petani tidak boleh menjual padi kepada pihak swasta maka mereka boleh bawa padi ini kepada LPN yang membeli padi secara pembeli terakhir atau buyer of last resort dan tidak ada syarat-syarat kepada pihak swasta.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya banyak menerima keluhan daripada petani-petani bahawa sama ada padi itu basah atau kering, cara pegawai-pegawai LPN membuat potongan sangat meng-kagumkan dan banyak sangat. Kalau boleh Yang Berhormat beri penjelasan atas keadaan ini dan apakah cara atau langkah-langkah dan usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah ini supaya masalah ini diselesaikan once and for all, dengan izin.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dibangkitkan bila petani-petani jual padi kepada kompleks LPN berbangkit sebab tidak ada persetujuan di antara petani-petani dan pihak LPN berkenaan gred-gred padi yang dijual. Pegawai-pegawai LPN mengikut syarat-syarat berkenaan gred-gred dan harga yang ditetapkan mengikut gred yang ditentukan, tetapi kadangkala petani-petani tidak bersetuju berkenaan dengan gred-gred yang ditentukan dan berkenaan dengan kekotoran atau, dengan izin, water content dalam padi itu. Jadi itulah menjadi masalah. Tetapi masalah ini boleh diselesaikan bila pegawai-pegawai LPN boleh menjelaskan cara menggred padi kepada petani-petani. Contohnya kita ada gred mengenai impurity, dengan izin, tetapi dalam Bahasa Malaysia "impurity" diterjemahkan sebagai kekotoran dan petani-petani nampak padi mereka tidak kotor dan tidak setuju padi mereka kotor sedangkan pegawai LPN dia menggred padi

mengikut impurities tetapi impurities ini tidak boleh kenampakan. Maka inilah jadi satu masalah.

Kita hendak menunjukkan kepada para petani bagaimana kita menggred padi ini dan bila ini dijelaskan maka petani-petani boleh mengikut gred yang ditentukan.

ANGKATAN TENTERA—SKIM PENGAMANAN BANGSA-BANGSA BERSATU

5. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa orangkah askar-askar kita termasuk pegawai-pegawai yang dihantar di bawah skim pengaman Bangsa-bangsa Bersatu dan berapa lamakah mereka terpaksa berada di luar negeri dan siapa yang akan membiayai perbelanjaan mereka.

16-3-89

16. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pertahanan menyatakan tugas-tugas Kontinjen Pertama Pegawai-pegawai Angkatan Tentera Malaysia yang berkhidmat dalam Persatuan Pemerhati Tentera Iran-Iraq Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNIMOG) dan prestasinya sehingga kini. Adakah Kementerian Pertahanan bercadang untuk memperbesarkan kontinjen tersebut di masa hadapan dan adakah keanggotaan kontinjen akan ditambah dengan pegawai-pegawai awam daripada Kementerian Pertahanan ataupun lain-lain jabatan Kerajaan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini sekali gus bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar yang dijadualkan pada 16-3-1989 kerana kedua-duanya berkenaan perkara yang hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, penglibatan Kontinjen Angkatan Tentera Malaysia dalam Persatuan Pemerhati Tentera Iran-Iraq Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNIMOG) dan Penasihat Sementara Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNTAG) di Namibia merupakan satu penghormatan kepada negara kerana angkatan tentera kita sekali lagi diberi kepercayaan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menjadi pasukan pengaman di negara-negara tersebut.

Kontinjen Malaysia yang dipilih untuk bertugas di Namibia adalah seramai 889 anggota. Mereka adalah terdiri daripada 88 orang pegawai dan 801 orang lain-lain pangkat. Manakala Kontinjen Malaysia yang menganggotai kumpulan ke Iran-Iraq ialah seramai 15 orang anggota yang diketuai oleh seorang Leftenan Kolonel, 7 orang berpangkat Mejar dan 7 orang berpangkat Kepten. Mereka akan berkhidmat di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk jangkamasa satu tahun. Di antara peranan pegawai-pegawai Kontinjen Malaysia dalam, dengan izin, United Nations Iran-Iraq Military Observer Group (UNIMOG) adalah seperti berikut:

- (a) untuk bersama-sama dengan pihak yang terlibat, menetapkan garisan gencatan senjata, dengan izin, ceasefire lines, sebagaimana yang telah dipersetujui berasaskan kepada kedudukan pertahanan hadapan, dengan izin, forward defended localities pasukan kedua-dua belah pihak pada 20hb Ogos, 1988;
- (b) untuk menyiasat sebarang tuduhan melanggar gencatan senjata dan memulih keadaan

sekiranya pelanggaran gencatan senjata benar berlaku:

- (c) untuk menghindar, melalui perundingan, sebarang perubahan lain dalam status urusan yang wujud, dengan izin, status quo, sementara menunggu pengunduran semua pasukan ke sempadan yang diiktirafkan oleh antarabangsa;
- (d) untuk menyelia, memeriksa dan mengesan pengunduran semua pasukan ke sempadan yang diiktirafkan oleh antarabangsa untuk mendapat persetujuan daripada pihak yang terlibat di atas lain-lain rancangan sementara menunggu rundingan penyelesaian secara menyeluruh, akan dapat membantu mengurangkan ketegangan dan mengukuhkan keyakinan di antara mereka seperti mengadakan kawasan pemisahan pasukan di kawasan sempadan antarabangsa kedua-dua belah pihak, menghadkan jumlah serta kaliber senjata-senjata yang ditempatkan berdekatan sempadan antarabangsa dan rondaan oleh anggota-anggota pasukan laut, dengan izin, "UN naval teams" di kawasan-kawasan sensitif yang tertentu atau berdekatan dengan Shetta-al-Arab.

Kumpulan pertama UNIMOG telahpun selamat pulang ke tanahair pada 27hb Februari, 1989. Prestasi mereka semasa berada di Iraq selama 6 bulan adalah amat cemerlang dan membanggakan. Jika pihak PBB memerlukan penambahan anggota kita untuk UNIMOG, Kementerian Pertahanan akan meneliti kemampuan untuk menyahut permintaan tersebut. Setakat ini pihak PBB belum memohon pegawai-pegawai awam dari Malaysia untuk menyertai dalam tugas di Iraq.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu berkenaan dengan kontinjen Malaysia yang akan menyertai pasukan UNTAG di Namibia yang telah pun berlepas ke negara tersebut pada hari semalam, iaitu adakah apa-apa kemudahan dan faedah-faedah selain daripada elaun yang telah ditetapkan oleh pihak Bangsa-bangsa Bersatu kepada pasukan ini iaitu yang saya anggap amat sedikit sekali, kalau tidak silap saya sebanyak \$3.45 sehari kepada pegawai-pegawai dan anggota pasukan kita yang telah pun berlepas.

Soalan kedua, saya difahamkan juga pasukan ini akan berada di Namibia selama setahun dan semalam kita lihat bahawa banyak anggota-anggota kontinjen ini adalah terdiri daripada orang-orang muda belaka yang ada keluarga dan anak-anak kecil. Saya ingin tahu sama ada pihak keluarga mereka dapat menyertai bersama atau bersama-sama mereka di Namibia dalam masa setahun?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, elaun yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya hanya, dengan izin, pocket money ataupun cigarette money. Sebenarnya Kementerian Pertahanan sedang berbincang dengan pihak Perbendaharaan Malaysia dan pihak Perbendaharaan telah memberitahu bahawa keputusan bagi kadar elaun anggota-anggota kita ini dijangka akan diberitahu kepada Kementerian Pertahanan sebelum kontinjen induk akan berlepas ke Namibia pada 3hb dan 4hb April. Sebenarnya kumpulan-kumpulan ini berlepas ke Namibia berperingkat-peringkat. Yang berlepas semalam hanya beberapa orang sahaja, the main contingent akan berlepas pada 3 dan 4hb April akan datang. Elaun ini belum lagi diputuskan oleh pihak Perbendaharaan.

Berkeenaan dengan keluarga mengikut anggota kita di Namibia, tiada rancangan oleh Kerajaan Malaysia untuk menghantar family ke sana kerana tugas mereka hanya setahun.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada berlaku sebarang kemalangan atau kejadian kepada anggota-anggota askar-askar kita semasa bertugas di bawah panji-panji Bangsa-bangsa Bersatu. Kalau ada apakah bentuk kemalangan yang telah berlaku kepada askar-askar kita?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, untuk di Namibia kita belum lagi bertugas di sana, hanya advance parti sahaja yang sudah pergi ke Namibia. Kalau soalan Yang Berhormat ini mengenai di Iraq, syukur alhamdulillah, tidak kemalangan yang berlaku setakat ini.

ORIENTAL BANK BERHAD— KERUGIAN

6. **Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan kewangan Oriental Bank dan sama ada Bank Negara akan mengambilalih pengurusan Bank tersebut. Jika ya, mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Oriental Bank Berhad (OBB) telah mengalami kerugian sebanyak \$66.1 juta bagi tahun kewangan berakhir 31hb Disember, 1986 dan kerugian sebanyak \$0.4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31hb Disember, 1987. Akibat daripada kerugian tersebut, kumpulan wang pemegang sahamnya, dengan izin, shareholders' fund kini merosot kepada negatif \$15.9 juta berbanding dengan keperluan minima sebanyak

\$10 juta. Nisbah kecukupan modal, dengan izin, capital adequacy ration bank tersebut telah juga menjadi negatif 2% berbanding dengan keperluan minima sebanyak 4%.

Oleh kerana pemegang-pemegang sahamnya tidak berupaya untuk memperbaiki kedudukan kewangan OBB, Bank Negara Malaysia terpaksa mengambilalih kawalan Oriental Bank Berhad pada 28hb November, 1988 bagi melaksanakan skim pemulihan modal bank tersebut.

Pengambilan alih ini tidak menjejaskan pengurusan bank ini di mana Ketua Eksekutifnya adalah dikekalkan dan dilantik sebagai wakil Bank Negara di bank tersebut. Dengan itu beliau bertanggungjawab terus kepada Bank Negara mengenai perkara-perkara dasar. Bank Negara pada masa ini sedang membuat kajian sama ada sumbangan modal perlu dibuat kepada Oriental Bank Berhad.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan kerugian sejumlah \$66.1 juta yang dialami oleh Oriental Bank, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa antara tempoh tahun 1979 hingga tahun 1987 pengurusan Oriental Bank adalah diselia oleh seorang nominee dari Bank Negara. Memandangkan bahawa masalah ini telah berlaku, adakah ini bermakna bahawa nominee dari Bank Negara itu tidak menjalankan tugas dengan bersungguh. Memandangkan juga bahawa penyata akaun bank hendaklah dihantar kepada Bank Negara tiap-tiap tahun di bawah seksyen 21 Akta Bank tahun 1973 untuk diaudit, maka saya ingin mendapat tahu bagaimana dan macam mana masalah ini boleh berlaku dan sama ada Bank Negara bercadang untuk mengadakan satu siasatan kehakiman ataupun "judicial enquiry" atas perkara ini?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, sesuatu perniagaan ada risikonya, kadang-kadang rugi dan kadang-kadang untung. Maklumat yang diberi oleh Yang Berhormat, iaitu mengatakan bahawa daripada tahun 1979 sampai tahun 1978 pengurusan bank adalah dijalankan oleh nominee Bank Negara, untuk makluman Yang Berhormat, saya memerlukan masa untuk menyiasat adakah nominee ini ataupun wakil bank ini dilantik daripada tahun 1979 ataupun sebaliknya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh memberikan penjelasan kalau memerlukan nama nominee yang dilantik oleh Bank Negara untuk mengawasi pengurusan Bank Oriental dan nama wakil ataupun nominee Bank Negara ialah Encik Chee Eng Tong.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, tentu sekali akaun yang dihantar kepada Bank Negara ini perlu diberi perhatian yang sepatutnya oleh Bank Negara dan seperti yang saya nyatakan tadi bahawa mulai pada akhir tahun 1986 Oriental Bank Berhad telahpun mengalami kerugian sebanyak \$66.1 juta dan pada tahun 1987 ia berkurangan hanya \$0.4 juta. Walau bagaimanapun, seperti saya nyatakan tadi berkemungkinan besar Bank Negara pada masa ini sedang membuat satu kajian adakah sama ada ia perlu membuat sumbangan modal ataupun sebagainya. Tetapi mengenai siasatan, minta maaf, soalan yang terakhir itu tadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Judicial enquiry!

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya ingat adalah wajar dibiarkan untuk Bank Negara menjalankan penyiasatan dahulu sebelum sesuatu tindakan lanjut yang perlu dibuat. Saya mengucapkan terima kasih

kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang kerana beri nama itu, so specific a name—Chee Eng Teng yang menjadi nominee mengawasi, bukan mengurus, mungkin perkataan itu ada beza sedikit. Mengawasi dengan mengurus berbeza sedikit. Jadi oleh kerana itu maka saya hendak atau perlu sedikit masa untuk mengkaji adakah tanggungjawab itu mengawasi ataupun mengurus pentadbiran bank tersebut.

PERMANENT RESIDENT NEGARA ASING

7. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah pendirian Kerajaan Malaysia terhadap ketaat setiaan dan kewarganegaraan seorang tokoh parti politik Malaysia yang juga menjadi seorang "Permanent Resident" di negara asing lain.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, setiap warganegara Malaysia hendaklah taat setia sepenuhnya kepada negara ini. Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap warganegara yang tidak setia atau sebaik sahaja ia diketahui telah memperolehi kewarganegaraan asing. Dalam pada itu, Kerajaan tidak menghalang warganegaranya memperolehi taraf permastautinan tetap negara asing.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam soalan saya, saya menunjukan kepada orang tokoh parti politik Malaysia, bukan seorang rakyat sahaja, dan jika perlu saya boleh namakan beliau, iaitu seorang pemimpin Majlis Tertinggi Parti MIC yang juga seorang ahli Jawatankuasa Disiplin Tatatertib Parti itu, iaitu R. Selvendra. Ini bukan seorang rakyat yang biasa, ini seorang tokoh politik yang akan jadi pemimpin atau pada masa akan datang jika ada peluang akan jadi seorang Menteri

Kabinet. Inilah tujuan soalan saya, bukan untuk orang biasa, untuk seorang tokoh parti politik.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, telah saya nyatakan tadi Kerajaan tidak menghalang warganegara memperoleh taraf permastautinan tetap negara asing. Jadi kalau ada wujud keadaan yang sedemikian, dari segi undang-undang tidak ada persoalan timbul.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu ada berapakah orang tokoh politik dalam Barisan Nasional mempunyai PR status di luar negeri? Adakah ini bermakna apabila pada masa depan jikalau negara kita mengalami satu keancaman bahawa tokoh-tokoh politik yang ada sekarang semua akan cabut (*Ketawa*), tidak berani menyelesaikan, menghadapi cabaran-cabaran yang negara kita akan menghadapi?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri memang teringin sangat hendak tahu berapakah tokoh-tokoh politik kita yang mempunyai PR di luar negeri, tetapi masalahnya ialah sesiapa rakyat kita yang mendapat PR luar negeri tidak pernah melaporkan kepada pihak kita, dengan sebab itu tidak ada butir-butir yang dapat saya terangkan.

POSTER KABINET TENGGU RAZALEIGH HAMZAH

8. **Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa adanya poster Kabinet olok-olok pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah disebar di saat akhir kempen pilihanraya kecil Ampang Jaya dan Parit Raja dan poster itu

menggunakan logo Kerajaan Pusat dan apakah sikap Kerajaan atas poster itu;

- (b) adakah Kerajaan bersetuju bahawa ia tidak mengambil apa-apa tindakan untuk menyiasat penerbitan, percetakan dan pengedaran poster itu atau adakah kerana kelemahan Kerajaan mengesan siapa yang bertanggungjawab terhadap poster itu hingga kini tiada sebarang tindakan diambil; dan
- (c) apakah hukuman yang boleh dikenakan ke atas penerbit, pencetak dan pengedar poster yang tidak ada bertanggungjawab itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua—

- (a) Kerajaan sedar bahawa adanya poster Kabinet olok-olok pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah disebarkan di saat akhir kempen pilihanraya kecil Ampang Jaya dan juga Parit Raja. Pihak Kerajaan menganggap perkara-perkara seperti ini adalah perkara biasa yang sering berlaku di dalam sesuatu pilihanraya di negara ini.
- (b) Kerajaan tidak mengambil apa-apa tindakan oleh kerana penerbitan, percetakan dan pengedaran poster itu tidak mengancam keselamatan negara atau ketenteraman awam; dan
- (c) Sekiranya poster-poster berkenaan menggugat sama ada ketenteraman awam mahupun keselamatan negara, Kerajaan boleh mengambil tindakan terhadap pencetak, penerbit dan pengedar di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987. Jika disabitkan kesalahan boleh

dikenakan denda tidak melebihi \$20,000 atau 3 tahun penjara atau kedua-duanya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu benarkah tindakan ini dilakukan oleh anggota BN sendiri, sebab itulah tindakan tidak diambil sampai hari ini.

Yang keduanya, walaupun Timbalan Menteri Dalam Negeri menjawab pada pandangannya tidak terlibat dengan keselamatan, tetapi tidakkah ia bercanggah dengan Akta Cetak sendiri. Kalau sekiranya bercanggah, bagaimanakah Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan dan apa ertinya Akta Cetak itu?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak saya tidak dapat menentukan siapakah golongan dan golongan manakah yang telah mencetak poster ini dan mengikut polis bahawa percetakan poster tersebut tidak membawa satu reaksi yang begitu negatif di kalangan masyarakat dan tidak menggugat keselamatan negara, dengan sebab itulah maka Akta Percetakan itu tidak dilaksanakan ke atas pihak-pihak yang bertanggungjawab.

**JABATAN HASIL DALAM
NEGERI SABAH—
PENCEROBOHAN MASUK**

9. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan apakah hasil penyiasatan yang dijalankan ke dalam pencerobohan masuk yang berlaku di pejabat Jabatan Hasil Dalam Negeri di Kota Kinabalu pada awal bulan Januari, 1989. Nyatakan fail sesiapa yang dicuri dan sama ada fail-fail tersebut ada berkaitan dengan Dif-dif Kehormat yang disiasat oleh JHDN di Sabah dan sama ada sesiapa yang

disyaki ditangkap. jika tidak, mengapakah pihak JHDN tidak memandang berat hal ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah hal seumpama ini daripada berlaku masa-masa depan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Polis masih lagi menyiasat kes kejadian pencerobohan masuk yang berlaku di pejabat-pejabat Jabatan Hasil Dalam Negeri di Kota Kinabalu pada awal bulan Januari, 1989 dan hasil penyiasatan belum lagi diketahui. Fail-fail yang disimpan di Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah sulit dan menjadi rahsia jabatan untuk menjaga kepentingan pembayar-pembayar cukai. Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, fail siapakah yang hilang dan sama ada fail-fail tersebut ada kaitan dengan Dif-dif Kehormat yang disiasat oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri di Sabah tidak dapat dimaklumkan di Dewan yang mulia ini. Mengenai sama ada sesiapa yang disyaki telah ditangkap, ini terpulanglah kepada pihak Polis.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sangat mengambil berat terhadap peristiwa ini dan untuk memastikan supaya penyiasatan polis dapat dijalankan tanpa gangguan, perkara ini tidak dihebahkan kepada orang awam. Suka saya nyatakan di sini bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri sedang berusaha memperkeratkan lagi keselamatan pejabat untuk memastikan supaya perkara seumpama ini tidak akan berlaku lagi di masa hadapan.

Tuan Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan fail-fail yang begitu rahsia, mengapa dapat pihak penceroboh masuk ke dalam bilik itu dan adakah pihak Kerajaan mengambil langkah dengan segera untuk menyelesaikan masalah kebocoran, ketidakadaan keselamatan

di dalam pejabat-pejabat yang begitu penting. Adakah kes seperti ini berlaku di lain-lain negeri. Jawapan tadi tidak memuaskan, cuma untuk mengelakkan soalan sahaja.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kejadian yang telah berlaku pada bulan Januari tahun ini di Sabah tidak mencerminkan bahawa pejabat-pejabat Hasil Dalam Negeri di seluruh negara ini tidak mempunyai Keselamatan yang cukup. Kementerian akan mengambil berat tentang apa yang telah berlaku dan tidak ada kes-kes lain yang berlaku di tempat-tempat lain atau di negeri-negeri lain di dalam negara kita ini dan saya tidak bersetuju dan menafikan bagi pihak Kementerian bahawa Kementerian saya memberi jawapan yang tidak lengkap ini adalah bertujuan untuk mengelakkan masalah ini.

Tuan Madatang Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah betul bahawa kehilangan fail-fail yang dimaksudkan dalam soalan ini adalah sekadar tipu helah media-massa yang telah dikuasai oleh pihak Pembangkang di negeri Sabah. Kalau ia, sila nyatakan.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah jawab di dalam Dewan yang mulia ini bahawa pada ketika ini Kerajaan dan pihak Polis sedang menyiasat. Biarkanlah pihak Polis dan Kerajaan menyiasat dan apabila datang masanya untuk menghebahkan kepada orang awam, kalau sesuai Kerajaan akan berbuat demikian.

SISTEM PENYEDIAAN DOKUMEN TENDER

10. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah benar Kementeriannya akan memperkenakan

sistem senarai kuantiti bagi tawaran tendernya. Bilakah pelaksanaan dan apakah perbezaan dengan sistem lama.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, memang benar Kementerian Kerjaraya telah memperkenalkan sistem penyediaan dokumen tender berdasarkan senarai kuantiti ataupun dalam Bahasa Inggeris, dengan izin, bills of quantities. Jabatan Kerjaraya telah membuat dasar bahawa mulai 1hb Januari, 1989, semua tender bagi projek-projek pembangunan dan kejuruteraan awam yang dianggarkan bernilai melebihi \$500,000.00 hendaklah disediakan berdasarkan senarai kuantiti. Walau bagaimanapun, bagi projek yang menggunakan lukisan-lukisan piawai, dengan izin, standard drawings semua dokumen tender tanpa mengira nilainya hendaklah juga disediakan berasaskan senarai kuantiti. Sebelum sistem baru ini diperkenalkan, tender-tender telah dipanggil berasaskan lukisan dan spesifikasi atau lump sum dan juga senarai kuantiti, tanpa mengira nilainya. Melalui pengalaman yang lepas pendekatan yang menggunakan sistem lukisan dan spesifikasi sering menimbulkan berbagai masalah kepada kontraktor-kontraktor seperti berikut:

- (i) Lewat mengemukakan tender;
- (ii) Tidak sempurna di dalam pengiraan tender;
- (iii) Terdapat butir-butir tender yang melibatkan implikasi kos terlalu tinggi, tertinggal atau tidak diambil kira;
- (iv) Perbezaan andaian di dalam mengukur kuantiti dan membuat anggaran kerja telah menimbulkan perbezaan harga tender yang sungguh ketara di antara penender-penender; dan

- (v) Persaingan yang hebat di antara kontraktor tanpa mengetahui kehendak kontrak kerja yang sebenar dan terperinci telah menyebabkan harga tender terlalu rendah dan tidak munasabah.

Di bawah sistem baru ini, kontraktor-kontraktor tidak lagi perlu membuat anggaran kuantiti kerja kerana anggaran kuantiti kerja ini disediakan oleh pihak Kerajaan. Dengan itu kontraktor-kontraktor boleh menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap kadar harga yang disediakan. Sistem baru ini juga membolehkan tender dibuat berdasarkan prinsip pengukuran dan andaian yang sama. Ini bermakna asas pertandingan adalah sama, adil dan mudah dipertimbangkan. Dengan pendekatan baru ini, risiko pihak kontraktor dapat dikurangkan memandangkan penentuan skop dan kuantiti kerja adalah tanggungjawab pihak Kerajaan. Disamping itu, senarai kuantiti yang disediakan ini dapat membantu pihak kontraktor menjadual pembelian bahan, memperolehi tenaga kerja dan mesin serta mengawasi pelaksanaan projek dengan lebih sempurna lagi.

KEMALANGAN JALANRAYA

11. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah angka kemalangan jalanraya di negara ini dan bagi setiap negeri untuk tahun 1988. Dalam jumlah tersebut berpakah yang mengakibatkan kehilangan jiwa bagi seluruh negara dan tiap-tiap negeri. Apakah punca-punca kemalangan tersebut. Dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengurangkan kadar kemalangan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, jumlah

kemalangan jalanraya dan kematian kerana kemalangan itu di seluruh negara dalam tahun 1988 adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Kemala- ngan</i>	<i>Jumlah Kematian</i>
Terengganu	884	98
Johor	5,759	397
Perak	9,801	446
Kuala Lumpur	18,728	117
Selangor	11,140	211
Pahang	1,979	148
Perlis	222	17
Kedah	3,411	213
Negeri Sembilan	3,516	100
Pulau Pinang	5,612	76
Kelantan	1,352	121
Melaka	2,723	126
Sabah	3,619	167
Sarawak	4,504	117
Jumlah ..	73,250	2,354

Kerajaan telah mengenalpasti bahawa kebanyakan kemalangan itu berlaku adalah kerana kecuaiannya pemandu-pemandu sendiri seperti memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbang rasa, memandu dengan terlalu laju, memandu secara melulu dan membahayakan dan memotong serta memberi isyarat yang tidak sempurna.

Selain daripada kecuaiannya pemandu, kemalangan juga berlaku disebabkan kesalahan-kesalahan pejalan kaki, disebabkan binatang, kerosakan jalan, kerosakan jentera dan kerosakan lampu isyarat.

Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Polis telah menggunakan pendekatan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dengan melalui Strategi 3E's iaitu "enforcement, education and engineering", dengan izin. Telah dibuktikan dengan meningkatnya aktiviti-aktiviti penguatkuasaan atau enforcement, dengan izin, kemalangan yang berlaku di seluruh negara menunjukkan penurunan. Langkah-langkah yang diambil ialah dengan

mengadakan operasi larian deras di seluruh negara, operasi menyaman kereta yang memotong di kawasan dua garisan berkembar, rondaan kereta peronda di lebuh raya-lebuh raya dan di jalan-jalan raya yang sering berlaku kemalangan, pemeriksaan mengejut atau, spot check, dengan izin dan mengadakan lebih banyak lagi operasi khas di kawasan-kawasan yang berkenaan dengan memberi tumpuan ke atas kesalahan yang boleh mengakibatkan kemalangan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Ong Tee Keat tidak hadir).

SUBTITLES FILEM CINA, TAMIL DAN HINDUSTAN

13. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan apakah sistem atau cara yang digunakan oleh RTM dalam mengendalikan subtitles melalui RTM 2. Adakah beliau sedar bahawa selalu terdapat perkataan-perkataan yang kurang tepat dalam subtitles itu dan ada kalanya tidak ada subtitles sama sekali. Kadangkala pula terdapat subtitles lewat dipancarkan sedangkan dialog asalnya telah pun selesai. Apakah tindakan yang akan diambil untuk memperbaiki kelemahan ini.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa semua filem Cina, Tamil dan Hindustan yang dibekalkan kepada RTM telah pun mempunyai sarikatanya sendiri. Sarikata ini dibuat oleh pembekalnya sendiri untuk memenuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri atau Lembaga Penapis Filem sebelum filem-filem itu ditayangkan untuk umum.

Oleh kerana ia merupakan sarikata dan bukan dialog penuh, maka perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat dielakkan. Kementerian tidak dapat memikirkan bagaimana sarikata ini dapat diperbaiki selagi filem-filem lama itu diulang-tayang oleh RTM disebabkan sarikata itu sudah pun tertera kekal pada filem-filem tersebut. Mungkin bagi filem-filem yang baru diimport, pembaikan ini dapat diusahakan terutama mengenai jalan bahasanya. Tindakan akan diambil oleh Kementerian dengan pihak yang bertanggungjawab mengenainya.

KUTIPAN TOL JAMBATAN PULAU PINANG

14. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kementerian beliau menerima sebarang permohonan supaya sebahagian kutipan tol Jambatan Pulau Pinang dibahagi kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jika ya, siapkah yang buat permohonan itu dan apakah keputusan Kementerian beliau; jika tidak, sama ada beliau menyokong cadangan itu.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan tidak pernah menerima permohonan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya sebahagian daripada hasil kutipan tol Jambatan Pulau Pinang diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Chian Heng Kai:: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya bahagian yang kedua sama ada Kerajaan menerima cadangan kalau saya mengemukakan?

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jikalau ada juga cadangan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya

akan menyiasat tetapi ada juga satu permintaan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kepada kami semalam apabila saya berjumpa dengan beliau iaitu meminta dikecualikan kutipan tol kepada lori-lori atau kenderaan berat yang mengambil barang-barang pembinaan ke negeri Pulau Pinang, itu masih dalam timbangan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa pertanyaan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 dan 15 hingga 46 adalah diberi di bawah ini).

PROTON SAGA—EKSPORT KE SINGAPURA

12. Tuan Ong Tee Keat minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) strategi-strategi atau langkah-langkah yang diambil oleh EON untuk menembusi pasaran kereta Singapura yang selama ini dikuasai oleh kereta-kereta buatan Jepun;
- (ii) sama ada kadar nilai ringgit Malaysia berbanding dengan mata wang Singapura sekarang merupakan satu faktor positif untuk berbuat demikian.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Kasitah bin Gaddam): Untuk makluman Yang Berhormat, usaha mengeksport kereta PROTON SAGA ke Singapura adalah tanggungjawab Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd (PROTON) dan bukannya Edaran Otomobil Nasional Sdn Bhd (EON). Bagi menembusi pasaran kereta di Singapura, pihak Proton telah mengambil beberapa langkah termasuklah mengadakan rundingan (perbincangan) dengan sebuah syarikat pengedar di Singapura dan

sehingga kini perbincangan tersebut masih berjalan. Selain daripada itu, Proton juga telah mengambil langkah mengubahsuai PROTON SAGA untuk memenuhi keperluan spesifikasi enjin yang ditetapkan oleh Kerajaan Singapura.

Memang benar kadar nilai dollar Singapura yang tinggi berbanding dengan ringgit Malaysia merupakan faktor positif untuk mengeksport kereta PROTON SAGA ke negara tersebut.

JALAN RAYA PASIR MAS— RANTAU PANJANG

15. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kementerian Kerjaraya sedar atau tidak bahawa jalan (lebuhraya Pasir Mas ke Rantau Panjang) mengalami kerosakan teruk berikutan banyaknya lori-lori yang membawa kayu Gergaji ke Thailand yang bermuatan lebih had menggunakan laluan itu.

Dato' S. Samy Vellu: Kerajaan memang sedar bahawa jalan raya Pasir Mas ke Rantau Panjang mengalami kerosakan teruk disebabkan oleh lori-lori yang membawa kayu gergaji ke Thailand.

Kementerian Kerjaraya telah meneliti masalah ini dan mendapati permukaan jalan sebelah kiri jalan raya dari Pasir Mas menghala ke Rantau Panjang mengalami kerosakan sama ada retak atau pecah dan juga tidak lagi rata. Terdapat juga bahu jalan yang rosak disebabkan oleh lori-lori kayu balak menggunakannya sebagai tempat perhentian dan juga oleh kejadian banjir baru-baru ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa melakukan kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan jalan-jalan dan bahu-bahu jalan yang rosak tersebut, dari semasa ke semasa mengikut

keperluannya, bagi menjamin keselamatan pengguna-pengguna jalan raya di kawasan berkenaan.

Tindakan yang diambil:

- (i) kerja-kerja pembaikan telah dijalankan dari masa ke semasa. Ini termasuklah kerja-kerja pembaikan biasa, "regulating" dan pembaikan bahu jalan;
- (ii) tindakan tidak dapat diambil terhadap lori dan "trailer" kerana tiket muatan berat kayu yang dikeluarkan mengikut kiraan ton/M3 dan ini tidak melebihi had berat (walaupun berat mengikut "axle loading" adalah jauh melebihi had yang dibenarkan).

PENGAMBILAN TANAH MILIK INDIVIDU

16. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan dasar Kerajaan disisi perlembagaan Malaysia berkenaan pengambilan tanah milik seorang individu untuk bangunan seperti pembangunan "hydro" sama ada Kerajaan sedar bahawa SESCO telah belum lagi menjelaskan pampasan kepada pemilik tanah di Kawasan Lubok Antu. Apakah jaminan Kerajaan Malaysia kepada pemilik tanah di kawasan hydro Antu, Sarawak supaya mereka akhirnya dapat diberikan pampasan ke atas tanah yang telah ditenggelami oleh air.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa tanah yang telah dikenalpasti untuk maksud kepentingan awam boleh diambilalih seperti yang telah diperuntukkan oleh Akta Pengambilan Tanah. Pampasan yang adil dan saksama akan dibayar kepada tuan punya tanah secepat

mungkin setelah penilaiannya ditentukan.

Dalam kes projek haidro di Lubok Antu iaitu haidro Batang Ai Kerajaan Negeri Sarawak telah membayar kepada pemilik tanah \$39.67 juta melibatkan 36.097 ekar tanah serta tambahan.

Walau bagaimanapun terdapat dua kategori tanah yang masih belum dibayar seperti berikut:

- (a) 360 ekar tanah yang dituntut bersama oleh dua buah Rumah Panjang. Oleh kerana pengesahan mengenai tuan tanah yang sebenar belum diketahui maka bayaran pampasan tidak dapat dibuat;
- (b) kawasan tanah sekeliling Haidro Batang Ai yang mungkin dibanjiri air. Jabatan Tanah dan Ukur sedang mengukur keluasan tanah dan tanaman yang terlibat. Setelah jumlah nilai pampasan ditentukan barulah pembayaran dapat dibuat.

Setelah keputusan mengenai kedua-dua isu di atas dibuat maka Kerajaan akan membuat pembayaran secepat mungkin.

ELAUN KHAS BULANAN IMAM DAN BILAL

17. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan bercadang hendak mengadakan skim memberi Elaun Khas Bulanan kepada Imam-imam dan Bilal-bilal Masjid di seluruh Negara, kalau ada bila hendak dilaksanakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Noor): Kerajaan Pusat sedang kaji secara mendalam perkara ini, bersama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri.

BAYARAN LESEN TV

18. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) jumlah penuh perbelanjaan yang tertanggung dan hasil penuh yang telah diperolehi dalam mengendalikan RTM bagi 5 tahun kebelakangan ini;
- (b) mengapa perlu dinaikkan bayaran lesen TV sebanyak 50%

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:

- (a) jumlah perbelanjaan dan hasil yang diperolehi oleh Kerajaan melalui RTM dalam masa 5 tahun yang akhir adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Perbelanjaan	Jumlah Hasil
1. 1984	\$120,176,000	\$ 97,258,350
2. 1985	\$128,507,000	\$ 91,120,186
3. 1986	\$127,785,000	\$ 73,940,880
4. 1987	\$152,659,377	\$ 73,971,813
5. 1988	\$126,429,449	\$119,177,341

- (b) mengenai bayaran lesen TV saya mohon kebenaran menjawab pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan-soalan yang sama iaitu—

- (i) Y.B. dari Tawau bertarikh 13-3-1989
- (ii) Y.B. dari Rasah bertarikh 21-3-1989

Saya mohon memaklumkan bahawa Kerajaan telah menimbang dengan teliti cadangan menaikkan kadar bayaran lesen TV dan juga masalah bayaran lesen Radio dan memutuskan:

- (i) semua kadar bayaran bagi lesen Radio baik untuk kegunaan di rumah mahupun yang digunakan di dalam kenderaan adalah dihapuskan:

- (ii) kadar bayaran untuk TV baik hitam/putih mahupun warna dikekalkan pada \$24 setahun;
- (iii) Lesen Radio baik di rumah atau di kenderaan akan dikeluarkan secara percuma;
- (iv) semua pemilik Radio dan TV hendaklah memiliki lesen sesuai dengan seksyen 14 (I) (a) Akta Penyiaran 1988.

Keputusan Kerajaan ini dibuat menimbangkan:

- (i) mengambilkira pendapat dan pandangan rakyat jelata mengenai cadangan ini;
- (ii) alat Radio dan TV adalah penting untuk rakyat dan Negara;
- (iii) untuk menggalakkan lebih ramai rakyat memiliki alat-alat ini terutama Radio agar mereka akan terus mendapat maklumat, pendidikan dan hiburan yang berguna bagi meneruskan proses pembinaan Negara yang lebih wajar lagi berkesan;
- (iv) untuk tidak menyusah dan membebankan rakyat jelata terutama yang berpendapatan rendah;
- (v) untuk mempercepatkan proses pengwujudan suatu masyarakat yang bermaklumat dan peka terhadap masalah-masalah Negara serta mengambil peranan yang cergas lagi positif bersama-sama dengan Kerajaan bagi menghadapi dan menyelesaikan masalah-masalah itu.

Keputusan Kerajaan ini akan mengurangkan hasil Kerajaan sebanyak kira-kira \$6 juta setahun. Sambil itu secara perbandingan kadar lesen Televisyen di Malaysia adalah yang termurah iaitu satu ringgit lebih rendah daripada Sri Lanka dan Pakistan.

Saya mohon memaklumkan juga bahawa Kementerian sedang meneliti tarikh pelaksanaan keputusan Kerajaan ini. Maka dengan ini masalah menaikkan kadar bayaran lesen TV ini tidak timbul.

HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

19. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang-hutang dalam negeri dan luar negeri. Bila dan bagaimana Kerajaan akan menjelaskan pinjaman-pinjaman luar negeri dan amaun tahunan diperlukan untuk servis/membayar faedah hutang-hutang.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang dalam dan luar negeri Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember, 1988 ialah \$87.7 billion. Dari jumlah ini \$61.8 billion atau 70.5% adalah pinjaman dalam negeri dan bakinya \$25.9 atau 29.5% adalah pinjaman luar negeri.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek-projek pembangunan adalah dibiayai melalui pinjaman yang diperolehi dari berbagai punca dan diambil setiap tahun. Memandangkan bahawa tempoh bayaranbalik pinjaman adalah di antara 10 hingga 30 tahun bergantung kepada sumber pinjaman, adalah sukar untuk ditetapkan bila keseluruhan hutang luar ini dapat dijelaskan.

Pinjaman yang dilakukan oleh Kerajaan adalah untuk membiayai projek-projek yang berdayamaju dan memberi sumbangan terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Di samping itu juga pinjaman adalah digunakan untuk aktiviti ekonomi yang membuat sumbangan terhadap pengaliran tukaran asing. Kerajaan menjelaskan hutang luar negeri melalui hasil yang diperolehi dari projek-projek yang dibiayai oleh

pinjaman dan juga pertumbuhan ekonomi negara.

Bagi tahun 1989, adalah dianggarkan bahawa Kerajaan memerlukan \$6 billion untuk menampung bayaran pokok (principal) dan faedah untuk pinjaman dalam dan luar negeri.

PELABURAN TEMPATAN/ASING

20. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan amaun pelaburan tempatan dan asing yang dilaburkan dalam industri perkilangan untuk tahun 1986, 1987 dan 1988, dan sama ada beliau sedar pelabur-pelabur tempatan masih segan silu untuk melabur walaupun beberapa konsesi telah diberikan dalam Belanjawan Tahun 1989.

Dato' Kok Wee Kiat: Jumlah cadangan pelaburan modal tempatan dan asing dalam projek-projek perkilangan yang telah diluluskan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 bagi tahun 1986, 1987 dan 1988 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pelaburan Modal (M\$ Juta)		
	Tempatan	Asing	Jumlah
1986	3,475.3	1,687.8	5,163.1
1987	1,873.9	2,060.0	3,933.9
1988	4,215.9	4,878.0	9,093.9

Nota: *Jumlah Tempatan dan Asing

Jelas dilihat bahawa pelaburan tempatan dalam tahun-tahun 1987 dan 1988 telah hampir menyamai jumlah pelaburan asing. Ini jelas membuktikan bahawa pelabur-pelabur tempatan sendiri telah semakin sedar akan potensi-potensi di bidang perindustrian serta galakan-galakan yang ditawarkan oleh Kerajaan.

Angka-angka yang telah saya berikan adalah cuma bagi projek-projek perkilangan yang memerlukan

lesen daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 dan yang mempunyai kumpulan wang pemegang saham (shareholders' fund) lebih daripada M\$2.5 juta atau mempunyai 75 pekerja sepenuh masa dan lebih. Angka-angka ini tidak termasuk projek-projek yang ditubuhkan oleh pelabur-pelabur tempatan yang kebanyakannya dikecualikan kepada Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 kerana kumpulan wang pemegang saham projek-projek ini kurang daripada M\$2.5 juta atau jumlah guna-tenaganya kurang daripada 75.

Maka tidaklah benar bahawa pelabur-pelabur tempatan segan silu untuk melabur.

FELCRA—PENEROKA DAN KAWASAN DIMAJUKAN

21. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan semenjak FELCRA diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, berapakah jumlah hektar yang telah dimajukan di bawah FELCRA semasa di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, dan berapakah jumlah peneroka yang mendapat faedah dari pembangunan FELCRA setakat ini. Berapakah jumlah yang akan dimajukan oleh FELCRA mengikut negeri-negeri bagi tahun 1989 ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Semenjak FELCRA diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai 1 Julai 1987 FELCRA telah memajukan kawasan seluas 36,791 hektar sehingga akhir tahun 1988. Dari usaha-usaha pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh FELCRA sejak ia

ditubuhkan dalam tahun 1966 hingga akhir tahun 1988, seramai 75,444 keluarga peserta mendapat faedahnya.

Untuk makluman Y.B. juga, Pentadbiran FELCRA merancang untuk memajukan kawasan seluas 25,000 hektar lagi dalam tahun 1989 ini dan kawasan yang dikenalpasti berpotensi untuk dimajukan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Keluasan Dikenal- pasti (Hektar)</i>
Perlis	200
Kedah Darul Aman	2,500
Pulau Pinang	200
Perak Darul Ridzuan	2,500
Selangor Darul Ehsan	3,500
Negeri Sembilan Darul Khusus	2,000
Melaka	200
Johor Darul Takzim	3,000
Pahang Darul Makmur	3,000
Terengganu Darul Iman	2,500
Kelantan Darul Naim	2,500
Sarawak	2,900
JUMLAH ..	25,000

SUKAN SEA—LATIHAN PERSEDIAAN

22. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah program yang dilaksanakan untuk meningkatkan tahap sukan di negara kita dalam semua jenis permainan

untuk menghadapi Sukan SEA tidak lama lagi;

- (b) apakah insentif-insentif berbentuk bantuan kewangan kepada mereka yang berjaya di dalam sukan negara; dan
- (c) apakah peluang-peluang belajar di Institusi Pengajian Tinggi tempatan dan luar negeri untuk atlit-atlit sukan kita.

Cik Teng Gaik Kwan:

- (a) Program Latihan Persediaan Ke arah Sukan SEA merupakan program yang telah dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia untuk meningkatkan prestasi sukan negara. Program Latihan Persediaan Ke arah Sukan SEA bertujuan menyediakan satu pasukan kebangsaan yang berkewibawaan bagi menghadapi Sukan SEA di Kuala Lumpur. Program latihan dua (2) tahun ini memperuntukkan sebanyak \$3.7 juta bagi membiayai aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (i) Latihan Pusat
- (ii) Pertandingan Luar Negeri
- (iii) Pendedahan
- (iv) Elaun Jurulatih dan
- (v) Peralatan dan Kemudahan.

Program Latihan ini merangkumi 24 jenis sukan yang akan dipertandingkan di dalam Sukan SEA ke XV di Kuala Lumpur kelak. Walaupun pada mulanya terdapat beberapa sukan yang menghadapi masalah untuk memulakan latihan tetapi sekarang ini semua pasukan telah pun memulakan latihan masing-masing. Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara selaku Urusetia

program latihan ini sentiasa meneliti kemajuan program latihan dan berusaha mengatasi masalah-masalah yang ada berkaitan dengan program ini.

(b) Insentif-insentif berbentuk bantuan kewangan kepada mereka yang berjaya di dalam sukan negara ialah Skim Perangsang Ahli Sukan dan Skim Hadiah Kemenangan Sukan. Butir-butir skim-skim tersebut adalah seperti berikut:

(i) *Skim Perangsang Ahli Sukan*

Program ini mula dilaksanakan pada bulan Januari 1983 yang bertujuan untuk membantu dari segi kewangan dan sebagainya supaya atlet-atlet dapat menjalani latihan yang sempurna di bawah program yang diatur dan diawasi oleh Persatuan Sukan Kebangsaan dan Majlis Sukan Negara. Atlet-atlet yang dipilih diberi elaun mengikut kategori masing-masing. Skim ini dibahagi kepada tiga kategori iaitu:

- Peringkat Dunia dan Asia \$250.00 sebulan selama dua tahun
- Peringkat Asia dan Serantau \$200.00 sebulan selama satu tahun
- Kumpulan yang berpotensi \$150.00 sebulan selama satu tahun

Sehingga hari ini seramai 350 atlet dipilih untuk menerima Skim Perangsang Ahli Sukan dan jumlah yang dibelanja-

kan lebih daripada \$1 juta.

(ii) *Skim Hadiah Kemenangan Sukan*

Salah satu usaha yang dianggap dapat memberi kesan penggalakan dan rangsangan yang jitu ke arah mempertingkatkan mutu sukan negara ialah pelancaran Skim Hadiah Kemenangan Sukan. Melalui Skim ini sejumlah wang tunai dihadiahkan kepada atlet-atlet atau sekumpulan atlet yang berjaya memenangi pingat di Peringkat Olimpik, Asia dan Asia Tenggara serta pertandingan lain yang setaraf dengannya. Pemberian itu adalah merupakan suatu pengiktirafan terhadap atlet-atlet kebangsaan yang telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Sehingga hari ini, sejumlah \$309,000 telah disumbangkan oleh Majlis Sukan Negara kepada atlet-atlet yang telah berjaya di pertandingan antarabangsa.

(c) Kementerian Pendidikan melalui Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia telah memberi keutamaan kepada atlet-atlet yang mewakili negara untuk memasuki institusi-institusi pengajian tinggi tempatan bagi menghargai pengorbanan yang telah mereka lakukan bagi mengharumkan nama negara.

Manakala Kementerian Belia dan Sukan mewujudkan Skim Biasiswa Sukan Persekutuan kepada atlet-atlet yang cemerlang dalam bidang sukan

masing-masing bagi melanjutkan pelajaran di universiti-universiti luar negeri.

GURU AGAMA TAKMIR MASJID JPM

23. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Abdul Latiff minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sehingga kini adakah program guru-guru agama Takmir Masjid JPM telah dilaksanakan di semua negeri-negeri di dalam Malaysia;
- (b) berapa ramaikah guru-guru agama yang terlibat di dalam program tersebut; dan
- (c) bagaimanakah sambutan orang ramai terhadap program tersebut, adakah menggalakkan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:

- (a) Rancangan Takmir Masjid anjuran bersama Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri itu telah dilaksanakan di semua negeri.
- (b) Guru-guru yang terlibat berjumlah 2,357 orang.
- (c) Sambutan orang ramai amat menggalakkan. Bilangan orang ke masjid telah bertambah dari semasa ke semasa.

KESATUAN SEKERJA— MENDAFTARKAN

24. Dr V. David minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar menurut Akta Kesatuan Sekerja, pekerja-pekerja berhak menubuhkan suatu kesatuan sekerja dengan bilangan sekurang-kurangnya tujuh orang ahli; dan

- (b) jika ianya betul, apakah sebabnya Kementerian beliau belum lagi mendaftarkan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Perusahaan Elektronik sehingga hari ini, walaupun penganjur-penganjur telah membentangkan permohonannya pada 15 Oktober 1988.

Menteri Buruh (Tuan Lee Kim Sai):

- (a) Menurut Akta Kesatuan Sekerja 1959, pekerja-pekerja boleh memohon untuk mendaftarkan kesatuan sekerja sekiranya permohonan yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya tujuh orang pekerja yang ingin menubuhkan kesatuan tersebut dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja. Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja akan membuat keputusan sama ada sesuatu permohonan boleh tersebut boleh diluluskan atau tidak menurut peruntukan undang-undang.
- (b) Mengenai permohonan untuk mendaftarkan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Perusahaan Elektronik pula, permohonan ini telah pun diterima oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja pada 17 Oktober 1988. Dalam proses untuk menimbangkan permohonan tersebut, Ketua Pengarah telah menemui penaja-penaja kesatuan itu pada 18 Februari 1989 untuk mendapat maklumat yang lebih lengkap berkaitan dengan pekerjaan penaja-penaja. Maklumat ini tidak dikemukakan kepada Ketua Pengarah bersama dengan permohonan untuk mendaftarkan kesatuan itu. Penaja kesatuan ini juga memaklumkan bahawa Jawatankuasa

Penaja Kesatuannya akan bermesyuarat pada 26 Februari 1989 dan akan berhubung semula dengan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja. Permohonan untuk mendaftarkan kesatuan ini sedang menerima perhatian yang sewajarnya daripada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja. Beliau akan membuat keputusannya apabila segala maklumat yang diperlukan oleh beliau dapat dibekalkan kepadanya.

MAS—PEMERIKSAAN PESAWAT BOEING

25. Dr Abdul Hamid bin Derani minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada pihak Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah menjalankan pemeriksaan secara teliti ke atas pesawat-pesawatnya terutama Boeing B747-200, B747-300 dan B737-200 ekoran dari arahan Pentadbiran Penerbangan Persekutuan Amerika Syarikat (FAA) dan apakah hasil daripada pemeriksaan tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Kerajaan dan Penerbangan Malaysia (MAS) sentiasa memberi perhatian yang berat untuk menentukan bahawa semua pesawat-pesawat MAS adalah sentiasa berada dalam keadaan baik dan memuaskan dari segi keselamatan penerbangan. Dalam hal ini adalah menjadi amalan MAS untuk menjalankan pemeriksaan dan penyelenggaraan ke atas semua pesawat-pesawatnya pada setiap masa. Prosedur ini merupakan langkah keperluan yang diadakan secara berterusan atau "on-going" dan tidak dijalankan hanya apabila terdapat kejadian kemalangan ataupun masalah-masalah teknikal yang melibatkan pesawat-pesawat jenis yang sama, sama ada dari MAS atau kepunyaan syarikat-syarikat penerbangan lain. Walau bagaimanapun,

ekoran dari arahan Pentadbiran Penerbangan Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Aviation Administration of the United States of America), MAS telah menjalankan satu pemeriksaan menyeluruh ke atas pesawat-pesawat B747 dan B737 kepunyaannya untuk menentukan pesawat-pesawat tersebut adalah dalam keadaan baik dan selamat bagi penerbangan. Hasil pemeriksaan itu telah menunjukkan bahawa pesawat-pesawat MAS yang berkenaan itu adalah berada dalam keadaan selamat dan sempurna untuk digunakan.

PENDATANG HARAM— KEBENARAN KERJA

26. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bidang-bidang pekerjaan di mana pihak majikan diberi kebenaran untuk mengupah pendatang-pendatang haram dan pelarian di—

- (a) Semenanjung Malaysia;
- (b) Sabah;
- (c) Sarawak;

dan apakah jumlah pengambilan di dalam (a), (b) dan (c) di atas sehingga 31-1-1989, sama ada terdapat majikan-majikan yang mengambil kesempatan ini untuk mengupah buruh murah yang mengorbankan kepentingan golongan pekerja kita dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini, Kerajaan tidak pernah memberi kebenaran kepada mana-mana majikan untuk mengupah mana-mana pendatang tanpa izin bekerja di negara ini sama ada ianya di Semenanjung, Sabah atau Sarawak. Seandainya terdapat majikan yang mengambil golongan ini bekerja

dengan mereka, tindakan undang-undang akan dikenakan kepada kedua-dua yang terlibat dan pendatang tanpa izin terlibat akan dihantar pulang.

LESEN PERJUDIAN

27. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Kewangan menjelaskan perkara berhubung dengan tindakan Kerajaan terus menambah dengan banyak lesen-lesen perjudian di seluruh negara bukan sahaja dari segi jumlah lesen juga dari segi membenarkan syarikat perjudian menawarkan wang hadiah berjuta-juta ringgit sebagai tarikan perjudian. Berapakah jumlah lesen perjudian yang telah dikeluarkan dan penjenisannya serta tawaran maksima yang dikeluarkan. Apakah peranan syarikat-syarikat perjudian yang berlesen ini dari segi pelaburan modal dan perniagaan, peluang-peluang pekerjaan dan juga perniagaan-perniagaan sampingan yang dilahirkan.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan judi haram berleluasa di negara kita dan kegiatan judi haram ini menimbulkan berbagai masalah dari segi sosial serta keselamatan dan oleh itu perlu dikawal. Tujuan Kerajaan mengeluarkan lesen-lesen perjudian adalah mengawal dan mengurangkan kegiatan judi haram.

Setakat ini lesen-lesen perjudian yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan adalah bagi aktiviti perjudian seperti berikut:

- (i) Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan dianjurkan oleh Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan;
- (ii) Aktiviti Kasino dianjurkan oleh Genting Berhad;

(iii) Aktiviti Sports TOTO dianjurkan oleh Sports TOTO Malaysia Berhad;

(iv) Aktiviti 4 Digit (Empat Nombor Ekor) dianjurkan oleh Magnum Corporation Berhad;

(v) Aktiviti Pertaruhan di Gelanggang Lumba Kuda (On Course Betting) termasuk 3 Digit (Tiga Nombor Ekor) dianjurkan oleh Lembaga Totalisator Malaysia;

(vi) Aktiviti "Sweepstake" dianjurkan oleh Kelab-kelab Lumba Selangor, Pulau Pinang dan Perak;

(vii) Aktiviti Pertaruhan Di Luar Gelanggang Lumba Kuda (Off Course Betting) dianjurkan oleh Ascot Sports Sdn. Bhd.; dan

(viii) Aktiviti Mesin Slot dianjurkan oleh Kelab-kelab Syarikat.

Hanya dua jenis perjudian yang menawarkan wang hadiah maksima iaitu Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan sebanyak \$1.5 juta dan "Big sweep" atau "Sweepstake" yang dianjurkan oleh Kelab-kelab Lumba Kuda Selangor, Pulau Pinang dan Perak sebanyak \$3 juta. Aktiviti-aktiviti perjudian yang lain tidak mengadakan struktur hadiah yang menawarkan hadiah maksima.

Syarikat-syarikat perjudian memainkan peranan dari segi pelaburan modal dan juga mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat. Di samping itu syarikat-syarikat tersebut mewujudkan perniagaan seperti penyewaan ruang-ruang pejabat, di lot-lot kedai serta urusan percetakan tiket-tiket. Syarikat-syarikat itu juga turut menyumbangkan kepada badan-badan kebajikan dan sukan dalam bentuk kewangan dan kebendaan

untuk kebajikan dan kemajuan sukan di negara ini.

Kerajaan pada masa ini sedang merangka garis panduan yang baru bagi mengawal kegiatan perjudian dengan lebih berkesan lagi. Dalam hubungan ini Kerajaan ingin menegaskan bahawa lesen baru bagi segala kegiatan perjudian tidak akan dikeluarkan dan jika perlu kebanyakan lesen-lesen yang telah dikeluarkan akan ditarik balik oleh Kerajaan. Kerajaan juga tidak akan meluluskan perantikan ejen-ejen baru kepada pihak-pihak yang sekarang ini menjalankan segala kegiatan tersebut.

LESEN MESIN JACKPOT

28. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah lesen mesin jackpot yang telah dikeluarkan sehingga tempoh 28-2-1989;
- (b) berapa banyak pembaharuan lesen yang telah ditolak bagi tempoh tersebut; dan
- (c) adakah Kementerian sedar bahawa kebanyakan kelab menjadikan kegiatan permainan mesin jackpot sebagai sumber utama pendapatan kelab dan menyediakan lebih banyak mesin jackpot serta tidak mengadakan kegiatan-kegiatan lain untuk ahli-ahli.

Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah lesen mesin slot kepada Kelab Syarikat yang telah diperbaharui sehingga tempoh 28-2-1989 adalah 10 lesen sahaja.

Sepuluh lesen tersebut telah dikeluarkan kerana Kelab Syarikat berkenaan memenuhi

kriteria-kriteria yang ditetapkan di dalam Garispanduan Pengendalian Mesin Slot kepada Kelab-kelab syarikat.

- (b) Sebanyak 95 lesen tidak diperbaharui kerana Kelab Syarikat berkenaan tidak memenuhi kriteria-kriteria di dalam Garispanduan tersebut dan lesen mesin slot mereka tidak diperbaharui; dan
- (c) Kementerian ini memang sedar bahawa kebanyakan kelab-kelab tersebut menjadikan kegiatan permainan mesin slot sebagai sumber utama pendapatan Kelab. Perbuatan ini adalah tidak digalakkan. Dalam hubungan ini Kerajaan ingin menegaskan bahawa syarat-syarat operasi mesin slot sedang diperketatkan. Antara syarat-syarat tersebut termasuklah menentukan lokasi yang lebih sesuai bagi kegiatan judi mesin slot, keperluan menambahkan modal dan keperluan mengadakan sistem kawalan yang lebih ketat bagi menentukan orang ramai yang bukan ahli dan murid-murid sekolah tidak dibenarkan memasuki premis mesin slot. Syarat-syarat keahlian untuk kelab-kelab ini juga akan diperketatkan. Di samping itu sungguhpun ada ditetapkan syarat bahawa kelab-kelab berkenaan hendaklah bergiat cergas di dalam kegiatan sukan dan rekreasi, banyak di antara kelab-kelab tersebut tidak menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi yang memuaskan bagi kemudahan ahli-ahli. Lesen mesin slot akan ditarik balik sekiranya kelab-kelab berkenaan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan itu.

LEMBAGA PEMERIKSAAN ORANG-ORANG TAHANAN

29. Tuan P. Patto: minta Menteri Dalam Negeri menyatakan nama, pekerjaan dan penggabungan politik (sekiranya ada) Ahli-ahli Lembaga Pemeriksaan (Board of Inspection) yang dilantik oleh beliau menurut Kaedah 85 (1) Kaedah-kaedah (Orang-orang Tahanan) Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Internal Security (Detained Persons) Rules 1960) bagi Kem Tahanan Taiping, dengan memberi maklumat lanjut mengenai lawatan-lawatan mereka ke Kem dan Kawasan-kawasan dalam Kem yang dilawati, aduan-aduan yang diterima dari setiap Kawasan semasa lawatan, tindakan yang diambil ke atas aduan-aduan itu, ahli-ahli Lembaga yang melakukan setiap lawatan itu dan juga tarikh-tarikh lawatan itu dilakukan sejak Januari 1988.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Butir-butir mengenai Ahli-ahli Lembaga Pemeriksaan (Board of Inspection) yang dilantik mengikut Kaedah 85 (1), Internal Security (Detained Persons) Rules 1960 dan juga laporan mengenai tarikh-tarikh lawatan Lembaga, aduan-aduan dan tindakan-tindakan yang diambil sejak Januari 1988 adalah terlalu banyak "voluminous" dengan izin, kerana maklumat yang diminta itu adalah bagi tempoh melebihi satu tahun. Dengan yang demikian, saya tidaklah bercadang untuk menyebutnya satu persatu. Walau bagaimanapun, segala aduan dan rasa tidak puas hati yang disuarakan oleh orang-orang tahanan telah diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya diambil.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa mereka yang dilantik sebagai ahli-ahli Lembaga Pemeriksaan bukanlah berasaskan penggabungan politik mereka tetapi kerana kedudukan dan kewibawaan mereka.

LATIHAN TENTERA BERSAMA MALAYSIA-SINGAPURA— PERBELANJAAN

30. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapakah kadar jumlah perbelanjaan yang telah diperuntukkan untuk menampung kos latihan tentera bersama di antara Malaysia dan Singapura, yang telah diura-urakan baru-baru ini, dan apakah ada berlaku perkongsian kos di antara kedua-dua negara ini;
- (b) adakah kawasan yang digunakan sebagai tempat latihan tersebut hanya menggunakan kawasan di sekitar negara Malaysia sahaja; dan
- (c) jurulatih dari manakah yang digunakan di dalam latihan ini.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Soalan Ahli Yang Berhormat agak kurang jelas, kerana beliau tidak mengkhususkan nama latihan tersebut. Walau bagaimanapun saya anggap latihan yang dimaksudkan itu ialah latihan Tentera Darat Malaysia dan Singapura.

Rundingan mengenai perkara mengadakan latihan bersama Tentera Darat Malaysia dan Singapura masih lagi berjalan, oleh itu keputusan tentang kos yang terlibat di antara kedua-dua negara dan kawasan yang akan digunakan untuk latihan belum dapat ditentukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam latihan-latihan seperti ini pihak Angkatan Tentera tidak menggunakan jurulatih yang khusus. Latihan-latihan dijalankan secara bersama mengikut kaedah latihan yang telah dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat.

**UNIVERSITI TEMPATAN—ME-
NAMBAH BILANGAN TEMPAT
DI FAKULTI**

31. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah Kementeriannya pada tahun 1989, 1990 dan 1991 memperbanyakkan tempat-tempat baru di Fakulti-fakulti Perubatan, Perundangan, Pergigian, Kejuruteraan, "Accountancy" dan "Business Administration" di universiti-universiti tempatan.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak universiti-universiti tempatan sentiasa menambah bilangan tempat di fakulti-fakulti berkenaan bersesuaian dengan kemampuan sesebuah fakulti tersebut, sama ada dari segi kakitangan akademik, kewangan yang diperuntukkan juga lain-lain kemudahan yang diperlukan. Bagi Fakulti Undang-undang, Kejuruteraan, Perakaunan dan Pengurusan Perniagaan, tempat-tempat di fakulti tersebut sentiasa ditambah selaras dengan kehendak kerajaan untuk memberi peluang pendidikan tinggi yang lebih kepada rakyat.

**FERI MALAYSIA YANG
TERKANDAS**

32. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah sebab Cruise Muhibah tersadai berdekatan Pulau Jangkat, Johor pada 1 Januari dan berapa banyak kerugian wang yang dialami dalam kejadian tersebut;
- (b) apakah bentuk siasatan yang dijalankan dan adakah laporan akan diumumkan kepada orang ramai; adakah tindakan disiplin

akan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab; dan

- (c) adakah Kerajaan akan menjalankan satu kajian yang kritikal terhadap peranan dan tugas Cruise Muhibah bagi memastikan sejauh mana ia telah memenuhi matlamat asal memandangkan ia telah menghadapi berbagai masalah yang melibatkan survivalnya.

Datuk Kasitah bin Gaddam:

- (a) Menurut siasatan yang telah dijalankan oleh sebuah badan bebas yang telah dilantik oleh Perbadanan Nasional Shipping Line (PNSL), kapal tersebut terkandas kerana didapati telah menyimpang dari laluan asalnya. Akibat dari kejadian tersebut, Feri Malaysia telah mengalami kerugian sebanyak \$670,913.16.
- (b) PNSL selaku tuan punya kapal feri ini telah menubuhkan sebuah badan bebas untuk menyiasat dengan teliti sebab-sebab kejadian tersebut berlaku. Berikutan laporan penyiasatan tersebut, PNSL telah mengambil tindakan disiplin yang sewajarnya terhadap pegawai-pegawainya yang terlibat dan seterusnya mengemukakan hasil siasatan berserta dan seterusnya mengemukakan hasil siasatan berserta dengan tindakan-tindakan yang disyorkan, kepada Jabatan Laut untuk pertimbangannya. Oleh itu adalah tidak wajar laporan badan penyiasat ini diumumkan kepada orang ramai pada masa ini.
- (c) Kerajaan sentiasa mengkaji dan mencari jalan serta langkah bagi memastikan matlamat

penubuhan Feri Malaysia tercapai.

PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA

33. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Kewangan menyatakan apakah ada cadangan menurunkan faedah simpanan ahli di KWSP. Kalau ada bilakah akan bermula dan berapakah kadar faedah simpanan yang telah ditetapkan. Bagaimanakah ianya memanfaatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang berhormat, jawapan kepada pertanyaan ini telah pun dijawab pada 9hb. Mac 1989, iaitu ketika saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya. Oleh itu saya tidak bercadang mengulangi jawapan tersebut.

PENDAFTARAN PEMILIH

34. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah positif akan dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya bagi membolehkan sejumlah 650 ribu rakyat negara ini yang layak mengundi, setelah mencapai usia 21 tahun yang belum berdaftar pada tahun 1988.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Mohamed Nor: Suruhanjaya Pilihanraya akan melancarkan gerakan pendaftaran pemilihan secara besar-besaran mulai pertengahan bulan Mei 1986 dengan menggunakan kaedah pendaftaran bersepadu. Suatu kempen secara besar-besaran akan dilancarkan untuk menyedarkan rakyat yang layak untuk mendaftar sebagai pemilih. Semua pihak termasuk Y.B. yang berkenaan hendaklah bersedia untuk memberi kerjasama semasa kempen itu dijalankan.

PILIHANRAYA KECIL—PROJEK DILULUSKAN

35. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) segala janji yang dibuat oleh Kerajaan kepada para pengundi dalam Pilihanraya Kecil Parlimen (i) Johor Bahru (ii) Ampang Jaya dan Dewan undangan Negeri Johor Kawasan Parit Raja dalam tahun 1988 dan 1989;
- (b) janji-janji yang akan ditunaikan; dan
- (c) janji-janji yang tidak akan ditunaikan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan Persekutuan telah meluluskan beberapa projek kecil untuk dilaksanakan di Kawasan-kawasan Parlimen seperti berikut:

- (i) Johor Bahru—\$375,000
- (ii) Parit Raja—\$4.7 juta
- (iii) Ampang Jaya—\$3.4 juta

Kerajaan akan melaksanakan semua projek-projek kecil yang telah dijanjikan demi untuk meningkatkan taraf hidup rakyat tempatan dengan mengadakan kemudahan-kemudahan asas yang sempurna. Projek-projek berkenaan meliputi projek infrastruktur kecil, keugamaan dan lain-lain yang perlu dilaksanakan untuk kepentingan penduduk setempat.

(Soalan No. 36. Sila lihat jawapan No. 8 pada 7-3-89).

NILAI RINGGIT MALAYSIA

37. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah Kerajaan memastikan kejatuhan nilai wang ringgit, berbanding dengan nilai wang US\$, Japanese Yen, pound sterling dan \$ Singapura, tidak akan menjejaskan

perdagangan antara negara Malaysia dengan negara-negara wang-wang tersebut. Apakah anggaran "balance of trade" pada tahun 1988, 1989 dan 1990 di antara Malaysia dan Negara-negara tersebut berikutan perubahan nilai wang ringgit kepada paras sekarang.

Tuan Loke Yuen Yow: Perubahan nilai ringgit tidak menjejaskan perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara asing. Malah keadaan nilai ringgit yang rendah telah mempertingkatkan dan memperluaskan perdagangan Malaysia melalui peningkatan tahap persaingan eksport negara. Dalam tahun 1988, jumlah eksport Malaysia telah meningkat sebanyak 22.9 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan yang ketara sebanyak 26.4 peratus pada tahun 1987. Eksport Malaysia ke Singapura misalnya telah meningkat sebanyak 30.1 peratus, ke Jepun meningkat sebanyak 8.1 peratus sementara ke Amerika Syarikat dan United Kingdom juga meningkat masing-masing sebanyak 28.4 peratus dan 33.7 peratus. Di samping itu jumlah import Malaysia juga telah bertambah sebanyak 35.9 peratus dalam tahun 1988. Ini adalah untuk memenuhi keperluan barangan modal dan perantaraan sektor perkilangan yang kian bertambah berikutan dari pertambahan permintaan luar dan dalam negeri. Walau bagaimanapun Malaysia masih lagi dapat mencapai lebihan imbalan perdagangan sebanyak \$12,070 juta dalam tahun 1988.

Bagi tahun 1989 dan 1990 kita menganggarkan arah aliran perdagangan yang serupa akan terus dialami oleh Malaysia. Pada tahun 1989, eksport Malaysia dianggarkan bernilai sebanyak \$58,540 juta sementara import dianggarkan berjumlah sebanyak \$50,483 juta. Oleh itu Malaysia dijangka mencapai lebihan perdagangan sebanyak \$8,057 juta. Ramalan prestasi perdagangan

Malaysia bagi tahun 1990 adalah sangat bergantung kepada perkembangan ekonomi dunia dan sedang dikaji pada masa ini.

KEMATIAN MUSTAKIZAH BINTI HAJI JAAFAR—SIASATAN

38. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah beliau berhajat untuk membersihkan nama baik Timbalan Menteri Dalam Negeri melalui Dewan yang mulia ini bahawa Yang Berhormat itu tidak ada kenamengena dengan pembunuhan Cik Mustakizah, seorang eksekutif di Segambut hujung tahun lalu;
- (b) oleh kerana eksekutif wanita itu telah dikaitkan dengan nama-nama orang yang pernah ada hubungan dengan Kementerian Dalam Negeri, adakah Kerajaan bersetuju untuk menjelaskan latar hubungan wanita itu dan sejauh manakah dia telah menjadi ancaman kepada keselamatan negara;
- (c) setakat mana pihak polis bebas melakukan penyiasatan atas kes pembunuhan itu; dan
- (d) sehingga ini sejauh manakah penyiasatan telah dibuat dan sejauh mana budaya pembunuhan menggunakan kapak mulai hidup semula.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Penyiasatan ke atas kematian Cik Mustakizah bt. Haji Jaafar seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sedang dalam siasatan polis. Dengan yang demikian saya tidaklah bercadang untuk memberi jawapan lebih lanjut kerana ini akan menjejaskan penyiasatan tersebut.

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM

39. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Perdana Menteri menyatakan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdasarkan penunjulan Penerapan Nilai-nilai Islam apakah peranan Kerajaan tentang apa-apa yang patut diistimewakan terhadap orang-orang yang memelok agama Islam atau yang dinamakan saudara Baru, dalam Islam sebahagian zakat adalah menjadi hak mereka sebagaimana yang telah ditentukan oleh Hukum-hukum Allah maka adakah perkara-perkara ini telah dijalankan dengan baiknya atau bagaimana.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Mengikut makluman yang diterima, seluruh negeri telah mengambil tindakan yang wajar mengenai perkara ini.

PERUNTUKAN \$100 JUTA MEMBANTU KELUARGA MISKIN

40. Tuan Lau Dak Kee minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah hasilnya atas peruntukan \$100 juta bagi membantu keluarga termiskin yang mula dilaksanakan tahun ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Memang benar Kerajaan telah menyediakan suatu peruntukan khas bagi membantu keluarga-keluarga dari golongan termiskin. Oleh kerana program khas ini baru sahaja diperkenalkan, adalah terlalu awal untuk mengetahui hasil dan kesannya kepada golongan tersebut. Walau bagaimanapun, disebabkan program ini diatur begitu rupa untuk memberi manfaat secara langsung kepada golongan termiskin, Kerajaan percaya peruntukan perbelanjaan ini akan memberi kesan yang diharapkan.

CHIANG TI MING—KEPAN- DAIAN LUAR BIASA

41. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Ibubapa Chiang Ti Ming, seorang anak Seremban yang berumur 11 tahun yang kepandaiannya luar biasa dalam kira-kira memohon daripada Kementeriannya supaya anak mereka dikecualikan daripada pemeriksaan SRP dan SPM dan terus mengambil pemeriksaan STPM. Kalau ada, apakah keputusan Kementeriannya dan mengapa sebuah Universiti Amerika Syarikat boleh mendaftar dan menerima beliau menuntut di Universiti itu tetapi Malaysia tidak dapat menerima beliau dalam mana-mana satu Universiti tempatan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ibu bapa Chiang Ti Ming tidak memohon dari Kementerian ini supaya anak mereka dibenarkan terus menduduki peperiksaan STPM tanpa mengambil peperiksaan SRP dan SPM terlebih dahulu. Universiti tempatan tidak dapat menerima beliau kerana kemasukan ke Universiti tempatan mensyaratkan seseorang calon itu lulus peperiksaan SPM atau yang setaraf, dan mempunyai kelayakan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) ataupun yang setaraf dengannya.

KENAIKAN HARGA BARANG

42. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab yang membawa kepada kenaikan harga bagi barang-barang keperluan di Negara ini dan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal kenaikan tersebut.

Dato' Kok Wee Kiat: Jawapan ini telah pun dijawab oleh Y.B. Timbalan Menteri Perdagangan dan

Perindustrian bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Y.B. daripada Kawasan Tebrau pada 8hb. Mac, 1989. Oleh itu saya tidak berhajat untuk mengulanginya lagi.

PERTUBUHAN KEBANGSAAN HAK ASASI MANUSIA

43. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Pendirian Kerajaan terhadap pembentukan sebuah pertubuhan kebangsaan yang ditubuhkan oleh beberapa orang peguam dan aktivitis sosial yang terkenal dalam bulan disember 1988 bagi menggalakkan dan mempertahankan hak-hak asasi manusia di negara ini dan sama ada ia akan memastikan pendaftaran secepat mungkin;
- (b) Kenapa tidak Kerajaan mengesahkan dua ciri utama bangsa-bangsa bersatu mengenai hak asasi manusia bernama international covenant mengenai hak-hak asasi ekonomi, sosial dan kebudayaan dan international covenant mengenai hak-hak awam dan politik; dan
- (c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membolehkan Parlimen Malaysia menubuhkan satu cawangan Amnesty Antarabangsa bagi melindungi, mempertahankan dan menggalakkan hak-hak asasi manusia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):

- (a) Kerajaan tiada halangan bagi mana-mana pihak membuat permohonan untuk mendaftar sesebuah pertubuhan selagi mana ianya memenuhi kehendak dan peruntukan

undang-undang di bawah Akta Pertubuhan 1966.

- (b) Pada prinsipnya Malaysia sentiasa menyokong usaha-usaha pertubuhan bangsa-bangsa bersatu berhubung dengan hak asasi manusia dengan mengambilkira keadaan dan implikasinya terhadap negara ini.
- (c) Kerajaan berpendapat adalah tidak perlu diambil apa-apa langkah untuk membolehkan Parlimen Malaysia menubuh satu cawangan amnesty antarabangsa memandangkan undang-undang yang ada di negara ini adalah memadai untuk tujuan berkenaan.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA—PENGAMBILAN PENGANGGUR

44. Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd Hassan minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementerian akan membuka peluang yang banyak bagi pemuda-pemuda yang menganggur yang tidak mendapat pekerjaan untuk menjadi perajurit-perajurit di masa-masa hadapan. Kalau ya, berapakah bilangan yang masih dikehendaki dalam Skim Pembangunan dan Tambahan Kakitangan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Sebagaimana yang selalu dinyatakan di Dewan yang mulia ini, iaitu pemilihan untuk pengambilan orang ramai, khususnya golongan belia dan beliawanis berkhidmat dalam pasukan Angkatan Tentera adalah terbuka kepada sesiapa yang berminat dan akan diterima untuk berkhidmat apabila memenuhi syarat-syarat yang diperlukan oleh pihak Angkatan Tentera.

Pengambilan anggota-anggota baru ini diteruskan tiap-tiap tahun untuk mengisi kekosongan yang berlaku. Kementerian Pertahanan sentiasa mengalu-alukan penyertaan belia-belia lepasan sekolah yang berminat untuk menceburi kerjaya tentera.

Purata bilangan yang dikehendaki dalam Skim Pembangunan dan tambahan anggota dalam angkatan tentera adalah seperti berikut:

- (a) Perkhidmatan — 6,000 orang
Tentera Darat
- (b) Perkhidmatan — 300 orang
Tentera Laut
- (c) Perkhidmatan — 1,000 orang
Udara

BANK PUSAT KERJASAMA— KERUGIAN

45. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimana langkah-langkah menyelesaikan Bank Pusat Kerjasama @ CCB oleh Bank Negara Malaysia. Apakah jaminan Kerajaan kepada ahli-ahli dan pendeposit-pendeposit di CCB. Sejauh manakah tindakan undang-undang telah diambil kepada mereka yang menyeleweng di CCB.

Tuan Loke Yuen Yow: Oleh kerana pertanyaan Ahli Yang Berhormat telah pun dijawab pad 9 Mac 1989, iaitu kepada pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji, saya tidak bercadang mengulanginya sekali lagi.

FELDA—PENUKARAN HAKMILIK INDIVIDU

46. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah kemajuan yang dicapai semenjak

pengumuman Timbalan Perdana Menteri di Perhimpunan Agung UMNO bahawa semua rancangan-rancangan tanah FELDA di bawah Sistem Blok dan Saham akan ditukar kepada hakmilik individu dan nyatakan mengapakah Kerajaan mengambil masa yang begitu panjang untuk menukar dasarnya dan bilakah penukaran tersebut akan dilaksanakan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tindakan penukaran dasar pemilikan dari Sistem Saham dan Sistem Hakmilik Kumpulan diambil sebaik sahaja pengumuman dibuat. Seramai 75,765 peneroka Hakmilik Kumpulan dan 8,863 peneroka Sistem Saham terlibat dengan penukaran ini. Dengan perubahan dasar hakmilik langkah-langkah berikut perlu dibuat:

- (1) Mengubahsuai surat perjanjian di antara Kerajaan Negeri dan FELDA dan surat perjanjian antara peneroka dan FELDA;
- (2) Mengukur lot individu kawasan ladang di rancangan yang dahulunya di bawah Sistem Hakmilik Kumpulan dan Sistem Saham;
- (3) Membubarkan Koperasi Hakmilik Tanah di rancangan Sistem Hakmilik Kumpulan;
- (4) Membubarkan Perbadanan Perladangan di rancangan Sistem Saham;
- (5) Mengubahsuai akaun peneroka.

Langkah-langkah ini telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan dijangka selesai pada bulan Januari 1990.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh”. (9hb Mac, 1989)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji sila teruskan.

4.05 ptg.

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji): Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan-laporan apabila saluran getah pecah dan mengeluarkan lebih kurang 800 kilo gas ammonia ke udara, pekerja-pekerja berada dalam keadaan kelim-kabut dan melarikan diri dan bukan menutup paip itu.

Tuan Yang di-Pertua, memandang apa yang telah berlaku di Tangga Batu, DAP menyeru Kerajaan supaya memberikan perhatian yang serius dan mempelajari daripada insiden yang

buruk ini. Dan DAP juga menyeru kilang gas ammonia Technol Gas Malaysia Sdn. Berhad membayar pampasan kepada mangsa-mangsa dalam kejadian Tangga Batu dan pihak berkuasa berkenaan hendaklah memastikan dan mengaturkan perkara-perkara ini dengan syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, DAP menyeru pendaftaran dan kelulusan awal bagi Pertubuhan Hak Asasi yang baru ditubuhkan. Timbalan Perdana Menteri telah dilaporkan berkata dalam bulan Disember tahun lalu bahawa Kerajaan menyokong langkah untuk menubuhkan sebuah pertubuhan kebangsaan untuk menggalakkan dan mempertahankan hak asasi manusia dan tidak akan ada halangan kepada penubuhan sebuah pertubuhan serupa itu. Kami berharap Kerajaan akan membuktikan keikhlasannya dalam menyokong Pertubuhan Hak Asasi Manusia yang baru ditubuhkan yang diketuai oleh bekas Perdana Menteri iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman dan bukan sekadar membuat janji yang tidak berupaya dipenuhi.

Kami menyeru Timbalan Perdana Menteri atas jawatannya sebagai Pemangku Menteri Dalam Negeri supaya memberi perhatian serius kepada permohonan untuk pendaftaran Pertubuhan Hak Asasi Manusia dan memberi kelulusan dan pendaftaran lebih awal kepada penubuhan itu selaras dengan janji sokongan bagi badan tersebut. Sebagai salah satu signatory kepada perisytiharaan Pertubuhan Hak Asasi Manusia, saya mengalu-alukan penubuhan Jawatankuasa Sementara bagi merintis jalan bagi menubuhkan sebuah pertubuhan kebangsaan bagi menggalak, memelihara dan mempertahankan hak asasi manusia di Malaysia. Kami suka menyatakan di sini bahawa Jawatankuasa Sementara itu disertai oleh beberapa orang tokoh

terhormat seperti Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sebuah Pertubuhan Kebangsaan Hak Asasi Manusia adalah kena pada masanya dan wajar kerana perkara hak asasi dianggap penting bukan sahaja di negara kita tetapi juga di peringkat antarabangsa. Memandangkan hak manusia dicabuli dengan seriusnya di Malaysia, penubuhan sebuah Pertubuhan Hak Asasi Manusia adalah perlu disegerakan bagi mengambil langkah-langkah untuk menggalak, memelihara dan mempertahankan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara hak asasi manusia, saya suka mencadangkan kepada Parlimen Malaysia supaya mengambil langkah-langkah untuk menubuhkan sebuah cawangan Amnesty International bagi melindungi dan menggalakkan hak asasi manusia di Malaysia. Penubuhan sebuah cawangan Amnesty International dalam Parlimen Malaysia kita adalah selaras dengan cadangan yang dibincangkan di Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel ke-34 yang berlangsung di Canberra dalam bulan September tahun lalu dan menyeru penubuhan sebuah cawangan Amnesty International di setiap Parlimen Negara-negara Komanwel.

Ahli-ahli Parlimen Malaysia tanpa mengira kepercayaan politik, mereka hendaklah mengambil berat mengenai isu hak asasi manusia, terutama sekali hak-hak Ahli-ahli Parlimen dalam menunaikan tugas mereka kepada rakyat dan negara. Sejak penubuhan Amnesty International sebagai pergerakan bebas antarabangsa yang bertujuan memberi perlindungan antarabangsa kepada hak asasi manusia telah memainkan satu peranan penting dalam menjuarai perjuangan hak asasi manusia.

Amnesty International meminta pembebasan orang-orang tahanan baik lelaki mahupun perempuan di mana-mana sahaja yang ditahan kerana kepercayaan warna kulit, seks, keturunan asal, bahasa atau pegangan agama dengan syarat mereka tidak menggunakan kekerasan atau keganasan. Sebagai Ahli-ahli Parlimen Malaysia, kita patut mengambil berat mengenai demokrasi dan hak asasi manusia dan menghargailah peranan yang dimainkan oleh Amnesty International di dalam mengekalkan dan melindungi hak asasi. Tangkapan dan penahanan Ahli-ahli Parlimen adalah satu pencabulan ke atas hak asasi manusia yang jelas dan ia mencabuli hak-hak Ahli-ahli Parlimen. Parlimen Malaysia tidak patut mendiamkan diri apabila hak-hak Ahli-ahli Parlimen dicabuli dan patutlah mengambil satu pendirian yang tegas dan aktif dalam menjamin pembebasan semua Ahli-ahli Parlimen yang ditahan.

Adalah menjadi kepercayaan kami bahawa penubuhan sebuah cawangan Amnesty International dalam Parlimen kita adalah kena pada masanya dan patut diberi semua sokongan yang diperlu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak menekankan bahawa DAP bersedia menyertai Majlis Perundingan Ekonomi Negara sekiranya Kerajaan dapat membuktikan Majlis ini ialah *bona fide* atau jujur dalam hasrat untuk merumuskan Dasar Ekonomi yang baru dan benar-benar memaparkan prinsip demokrasi pernyataan. DAP selalu menyokong idea-idea membasmi kemiskinan dan pencapaian perpaduan negara. Hanya yang sering dipersoalkan oleh kami ialah cara bagaimana Kerajaan bertindak untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut. Cara Kerajaan bertindak mencapai sesuatu objektif itu membayangkan keikhlasan serta

kesungguhannya untuk menyelesaikan masalah-masalah yang menghalang pencapaian idea-idea itu pada akar umbinya.

Maka faktor asal bagi keengganan DAP untuk menghadiri persidangan MAPEN ialah kegagalan Kerajaan untuk menunjuk keikhlasan mahupun kesungguhan untuk melibatkan rakyat Malaysia dalam rumusan Dasar Ekonomi Negara selepas tahun 1990. Di antara kesangsian-kesangsian DAP tentang *bona fide* atau kejujuran, Kerajaan menubuh MAPEN sebagai badan perunding yang tulin ialah:

- (a) Cara penubuhan Majlis adalah secara tergopoh-gapah dan ini menimbulkan soalan sama ada ia benar-benar dirancang untuk matlamat rumusan dasar ekonomi ataupun adanya undang di sebalik batu, iaitu lebih untuk kesan dan keuntungan politik bagi pihak pemerintah.
- (b) Penubuhan bidang-bidang tugas, dengan izin, terms of reference of Majlis termasuk skop keahlian peraturan-peraturan ditetapkan oleh parti pemerintah tanpa terlebih dahulu berunding dengan pihak parti Pembangkang khasnya DAP yang berupa parti politik dengan sokongan undi kedua besar di Malaysia pada pilihanraya umum tahun 1986 dengan hampir satu juta undi.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli dari Batu Berendam bangun.

Tuan Lau Dak Kee: Maaflah, tidak ada masa.

- (c) Cara pengagihan tempat-tempat di dalam MAPEN dengan semena-menanya dan tidak

berdemokratik sebagai sebuah badan perunding dasar ekonomi negara, maka perwakilan dalam Majlis seharusnya membayangkan suara rakyat dan ini dibayangkan mulai pilihanraya umum tahun 1986 terutama sekali dalam penentuan perwakilan parti-parti politik. Parti UMNO hanya memperolehi 35% daripada sokongan pemilih negara berbanding dengan DAP 21%, maka berasaskan ini perwakilan Barisan Nasional tidak harus tiga kali ganda lebih besar, malahan sepuluh kali ganda lebih besar daripada perwakilan parti pembangkang.

- (d) Penahanan berterusan Ketua Pembangkang, Yang Berhormat dari Tanjong dan anaknya Yang Berhormat dari Kota Melaka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah berkaitan dengan penyertaan DAP di dalam MAPEN, iaitu kedua-dua mereka ini ditahan kerana perjuangan politik berdemokratik dan berperlembagaan termasuk mengkritik dengan suara yang lantang cara Kerajaan melaksanakan DEB dan dengan penuh keberanian kerana benar perjuangan mereka adalah selaras dengan idea-idea dan prinsip-prinsip serta objektif DAP untuk menentukan keadilan sosial dan ekonomi. Seterusnya menahan mereka bererti Kerajaan tidak berminat atau ikhlas dalam kesungguhannya untuk mendengar dan menerima kritikan pembangkang dan seterusnya merumuskan dasar ekonomi yang lebih berkesan dan adil kepada rakyat khasnya golongan yang miskin dalam semua kaum.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Setakat ini orang-orang yang dipilih untuk mempengerusikan MAPEN serta cara persidangan MAPEN berlangsung di belakang tirai kerahsiaan, tersembunyi daripada pemerhati orang ramai atas alasan takut yang publisiti akan menjahanamkan niat baik Majlis hanya memperkukuhkan kesangsian-kesangsian DAP terhadap kejujuran Kerajaan menubuh Majlis tersebut. Alasan-alasan yang diberi tidak berasas, lebih-lebih lagi apabila dilaporkan yang persidangan MAPEN mengamalkan Peraturan-peraturan Tetap Dewan Rakyat, Dewan boleh bersidang dengan terbuka dan teratur, mengapa tidak MAPEN?

Cara-cara Pengerusi MAPEN Tan Sri Ghazali Shafie dan Timbalannya dilantik telah menambahkan kesangsian kami mengenai kejujuran keikhlasan Kerajaan untuk mengadakan MAPEN yang benar-benar bermakna. Pada tahun 1987, Pengerusi MAPEN telah dilaporkan sebagai terlibat dalam skandal eksport balak yang bernilai US\$61 juta di Papua New Guinea. Setakat ini rakyat Malaysia telah mengetahui peranan beliau di dalam skandal tersebut. Selagi kes ini tidak diselesaikan, rakyat kesangsian terhadap kesesuaian beliau sebagai Pengerusi MAPEN.

Sekurang-kurangnya lima kesangsian berbangkit daripada penubuhan MAPEN. Kami menyeru Kerajaan supaya menghapuskan kesangsian-kesangsian tersebut demi kepentingan orang ramai. DAP selalu menyokong malahan bersedia mempertahankan ideal-ideal membasmikan kemiskinan dan mencapai perpaduan negara, hanya parti pemerintah sahaja yang segan berunding dengan terbuka dan tidak ikhlas dalam rumusan Dasar Ekonomi Negara yang lebih adil dan berkesan.

Sekiranya pihak Kerajaan benar-benar ikhlas dan jujur maka ia hendak membebaskan tanpa syarat kedua-kedua Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Kota Melaka dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung diplomatik rasmi antara Malaysia dengan Republik Rakyat China mulai daripada 31hb Mei, 1974, sudah hampir 15 tahun sekarang. Perhubungan rasmi kedua-dua negara ini masih tinggal di peringkat Kerajaan dengan Kerajaan sahaja, ianya belum sampai di tahap di mana rakyat daripada dua negara ini boleh dibenarkan melawat antara satu dengan lain dengan bebas tanpa sekatan. Saya berasa sedih bahawa perhubungan diplomatik seumpama ini seperti manis di bibir sahaja, melindungi diri sendiri. Dasar yang tidak berkembang ini bukan hanya merugikan diri sendiri tetapi juga tidak selaras dengan diplomatik antarabangsa yang wujud sekarang. Rakyat sendiri akan terlepas peluang dalam bidang perdagangan, perindustrian dan pelancongan dan rakyat di kedua-dua negara, terutama masyarakat perniagaan, masih mempunyai jarak perhubungan yang jauh.

Tuan Yang di-Pertua, aliran atau trend antarabangsa sedang menuju ke arah perdamaian dan pembukaan. Biar kita memandangkan jiran kita. Walaupun Indonesia belum ada perhubungan diplomatik yang rasmi tetapi perdagangan antara kedua-kedua negara ini bertambah banyak jika dibanding negara kita dengan Republik Rakyat China. Jika perhubungan rasmi itu mungkin diisytiharkan tidak lama lagi maka mereka akan mendahului Malaysia dalam semua bidang perniagaan. Kita akan menjadi mangsa daripada pandangan sempit kita sendiri.

Di negara ASEAN juga, di negara Filipina dan Thailand membenarkan

rakyatnya mengadakan lawatan bebas. Di Singapura juga mereka masih belum ada perhubungan diplomatik rasmi tetapi rakyat Singapura lebih bebas dikenakan syarat-syarat longgar untuk melawat ke negeri China.

Tuan Yang di-Pertua, haruslah kita ambil perhatian. Taiwan adalah musuh sejarah dengan China. Sehingga dua tahun yang lalu, pendirian Taiwan adalah tidak berdailog, tidak berbincang, tidak ber“compromise” dengan negeri China tetapi hari ini Taiwan pun mengubahsuaikan dasar mereka selaras dengan perkembangan baru. Rakyat Taiwan mudah dibenarkan melawat China sekarang. Bagaimanakah negara Malaysia dengan negeri China?

Walaupun beberapa perjanjian telah ditandatangani seperti Perjanjian Perdagangan, Perjanjian Perkapalan, Perjanjian Perlindungan Permodalan, Perjanjian Mengelak Cukai Dua Hala, dan Perjanjian Penerbangan seperti yang kita ketahui akan ditandatangani pada bulan April ini tetapi mengikut sumber-sumber yang boleh dipercayai bahawa perjanjian itu tidak tercapai dilaksanakan pada bulan hadapan. Tentulah ada masalah yang besar yang tidak dapat diselesaikan setakat ini. Kalau anggapan itu benar maka saya mencadangkan kepada Menteri Pengangkutan kita mengambil cuti 3 bulan di luar negeri. Apabila beliau kembali ke Malaysia masalah yang besar itu tentu dapat diselesaikan secara automatik tanpa berbincang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, negeri China pada hari ini tidak lagi mengamalkan politik berat sebelah. Mereka sedang mengamalkan politik berkawan-kawan atau berbaik-baik seperti Amerika untuk memajukan ekonomi. Sampailah masanya di mana rakyat daripada dua negeri ini boleh melawat antara satu dengan lain tetapi dengan

adanya Dasar Lawatan Bebas sudah tentu membawa manfaat kepada kita semua. Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita masih berlelah-lelah lagi?

Tuan Yang di-Pertua, satu tajuk saya ingin hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini ialah DAP memandang berat keputusan Kabinet baru-baru ini untuk menghalalkan menurut undang-undang pendatang-pendatang haram Indonesia di sektor perladangan dengan memberi satu tempoh pendaftaran selama 6 bulan kepada semua pendatang haram yang kebanyakannya ialah orang-orang Indonesia untuk mendaftar dengan Jawatankuasa Pengambilan Pekerja Asing dan dibenarkan menetap di negara ini bagi tempoh 3 tahun.

Kami tidak menentang kebenaran bagi pekerja-pekerja asing bekerja di ladang-ladang kita jika kita boleh diyakinkan bahawa pekerja-pekerja Malaysia tidak berminat untuk bekerja meskipun usaha-usaha dijalankan oleh Kerajaan untuk menggalakkan mereka bekerja dalam sektor perladangan. Kami masih belum diyakinkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mencuba mencari jalan untuk menggalakkan pekerja-pekerja Malaysia diambil bekerja dalam sektor perladangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada satu minit lagi.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, lama tidak bercakap, berilah lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya beri dua minit. (*Ketawa*)

Tuan Lau Dak Kee: Keputusan akhir Kabinet untuk membenarkan kempen pendaftaran 6 bulan kepada semua pendatang haram yang

kebanyakannya orang-orang Indonesia untuk berdaftar dengan Jawatankuasa Pengambilan Pekerja Asing bagi melayakkan mereka tinggal dan bekerja dalam sektor perladangan bagi tempoh 3 tahun adalah tidak betul dan bertentangan dengan undang-undang negara kita. Kerajaan secara terbuka mencabuli undang-undang Imigresen berhubung dengan kemasukan pendatang-pendatang haram.

Proses biasa undang-undang telah dicabuli oleh Kerajaan. Kesalahannya keputusan adalah tidak sah kerana undang-undang itu tidak dipatuhi. Jika Kerajaan hendak membawa masuk pekerja-pekerja asing bekerja di sektor perladangan walaupun tidak ada bantuan, ia mesti dilakukan secara betul menurut proses undang-undang. Pendatang haram hendaklah pertama kali meninggalkan negara ini dan kemudian menyerah permit kerja dan dokumen yang betul sebelum masuk semula. Tetapi apa yang kita sedang berbuat sekarang ialah seumpama meletakkan kuda di belakang kereta. Kita sekarang membenarkan tempoh pendaftaran 6 bulan bagi semua pendatang haram untuk mendaftar. Apakah cara untuk menghentikan kebanjiran besar pendatang-pendatang ataupun orang asing terutama Indonesia ke dalam negeri ini bagi tempoh pendaftaran 6 bulan yang tetap akan berjalan. Jika ini berlaku ia seumpama menggalakkan peningkatan banyak masalah sosial dalam negara ini. Menurut Menteri Buruh bagi memastikan bahawa program buruh asing dalam sektor perladangan berjaya, para majikan hendaklah pertama, menandatangani perjanjian perseorangan 3 tahun dengan pekerja-pekerja menyatakan syarat-syarat kerja dan faedah. Kedua, mengawal dan mengawasi kegiatan-kegiatan pekerja semasa tempoh perjanjian. Ketiga, menghantar balik pekerja-pekerja ke Indonesia apabila tamatnya kontrak mereka.

Adalah mudah bagi Menteri Buruh untuk menggariskan keperluan-keperluan bagi majikan dalam melaksanakan program tersebut tetapi apa yang perlu dijamin ialah bahawa kehendak-kehendak yang tersebut itu mestilah dipatuhi. Adalah menjadi pandangan kami bahawa kehendak-kehendak bagi majikan mengawasi dan mengawal kegiatan pekerja-pekerja asing adalah tidak "viable" dan kemungkinannya gagal. Motif para majikan ialah untuk mencari keuntungan dan mereka tidak ada sumber dan kemampuan untuk mengawal pekerja-pekerja asing. Apakah jaminan yang sedia ada bahawa majikan-majikan akan menghantarkan balik pekerja-pekerja asing selepas perjanjian 3 tahun itu berakhir. Ini dan banyak lagi persoalan-persoalan tidak dijawab oleh Kerajaan dan bagaimanakah rakyat Malaysia boleh diyakinkan bahawa keputusan untuk menghalalkan pendatang-pendatang haram bekerja dalam ladang kita dan sebenarnya tidak membawa kepada kebanjiran besar-besaran pendatang-pendatang haram terutama dari Indonesia yang akan menyebabkan masalah lebih serius kepada negara kita sehingga di luar kawalan Kerajaan. Atas sebab-sebab ini DAP menyuarakan bagi pihak semua rakyat Malaysia bantahan keras ke atas keputusan terakhir Kabinet yang membelakangi kedaulatan undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan sektor perladangan saya ingin merujuk kepada kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri dalam bulan Januari tahun ini bahawa Kerajaan akan membantu meningkatkan taraf atau keadaan hidup dalam estet dan ladang-ladang. Satu kajian keseluruhannya telah diadakan di sektor perladangan telah lama ditunggu-tunggu. Masalah perumahan, bekalan air dan elektrik yang berkurangan yang tidak

memuaskan dalam ladang-ladang telah dibangkitkan beberapa kali baik di dalam ataupun di luar Parlimen. Adalah mendukacitakan bahawa sehingga sekarang tidak ada penyelesaian yang memuaskan yang telah diperolehi untuk mengatasi keadaan estet. Tidak dapat diragukan bahawa salah satu sebab utama mengapa pekerja Malaysia kurang minat untuk bekerja di ladang-ladang kita iaitu kerana keadaan hidup yang tidak memuaskan. Kami menyeru Timbalan Perdana Menteri supaya mengambil langkah-langkah segera untuk mengarahkan Menteri Buruh menjalankan satu kajian di seluruh negara mengenai keadaan hidup dalam ladang-ladang dengan tujuan untuk mengetahui masalah sebenarnya supaya tindakan boleh diambil tanpa apa-apa kelengahan untuk memperbaiki keadaan tersebut. Adalah menjadi tugas Kerajaan untuk mencari sebab.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, 5 minit sudah lepas. Saya sudah beri. Oleh kerana Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Setengah minit lagi!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dengar dahulu saya cakap. Oleh kerana Yang Berhormat sudah lama sudah tidak bercakap, saya sudah bagi 5 minit. Saya beri setengah ½ minit lagi untuk mengakhiri. (*Ketawa*)

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adalah menjadi tugas Kerajaan untuk mencari sebab sebenarnya mengapa terdapat kekurangan tenaga buruh dalam ladang-ladang sebelum membenarkan pendatang-pendatang haram didaftarkan untuk bekerja di ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa teks itu sudah cukup dan kebenaran untuk menambahkan setengah minit itupun sudah cukup. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

4.30 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut menyokong usul Ucapan Terima Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Padang Terap. Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang sedang dibahaskan ini sungguh bersejarah. Inilah Titah Ucapan di-Raja yang terakhir sebelum tamat tempoh pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kelapan pada bulan April kelak.

Saya sungguh gembira diberi peluang bersama-sama Ahli Yang Berhormat yang lain menyembahkan ucapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong atas limpah kurnia baginda berdua memerintah negara ini selama lima tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sering dikatakan orang sistem pemerintahan beraja di Malaysia ini sebagai suatu institusi yang unik di dunia hari ini. Hal ini sungguh benar dan tidak dapat disangkal. Setahu saya tidak ada negara lain dalam dunia ini yang mempunyai Raja yang dipilih oleh sesama Raja dan memegang jawatan untuk satu tempoh yang ditetapkan.

Sehingga hari ini, dan sudah 32 tahun berlalu sejak bermulanya, sistem beraja ini berjalan dengan memuaskan. Apabila Duli Yang Maha

Mulai Paduka Seri Sultan Perak ditabalkan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kesembilan pada bulan April ini, kesemua sembilan Baginda Sultan dan Raja negeri-negeri Melayu mendapat giliran masing-masing menaiki takhta Kerajaan negara Malaysia.

Kita bersyukur kerana hubungan antara Takhta dan Parlimen sentiasa baik sepanjang tempoh 32 tahun yang lalu. Dari semasa ke semasa memang terdapat masalah dan kerumitan namun semua ini dapat diatasi dengan penuh kefahaman dan penghargaan sebagaimana sepatutnya menurut amalan demokrasi. Tidak seperti di England, kita di Malaysia tidak perlu menempuh pengalaman pahit perang saudara untuk menentukan hubungan secara berperlembagaan antara Takhta dan Parlimen. Sewaktu kemerdekaan dicapai dalam tahun 1957 Ahli-ahli Parlimen dipilih dan Paduka Baginda Raja-raja telah menerima jenis hubungan ini ketika mereka meluluskan berperlembagaan negara ini secara bebas dan sukarela.

Pernah terdengar orang berkata bahawa Raja tidak relevant lagi dalam zaman kemajuan sains dan teknologi ini. Ada benarnya Raja berkuasa mutlak memang tiada tempatnya lagi. Tetapi Raja berperlembagaan masih diperlukan terutama dalam konteks kita di Malaysia. Bahkan negara-negara perindustrian yang demokratik seperti Britain, Netherland, Denmark, Norway dan juga Jepun mendapati Raja berperlembagaan suatu aset kepada negara bukan suatu liabiliti atau bebanan.

Pertama, Baginda melambangkan perpaduan bangsa.

Kedua, Baginda menjadi pengaruh timbangan dalam tubuh politik negara.

Ketiga, Baginda merupakan kesinambungan, khususnya apabila rakyat ramai memutuskan untuk

menukar pemerintahan atau parti yang memerintah menerusi peti undi.

Saya ingin mengambil kesempatan ini menggesa Kementerian Pendidikan supaya memasukkan pelajaran sejarah demokrasi berparlimen di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi. Tidak memadai hanya dengan mempelajari Perlembagaan Malaysia perkataan demi perkataan.

Orang muda Malaysia hendaklah tahu semangat yang mengilhamkan berperlembagaan ini. Untuk itu mereka harus tahu bagaimana demokrasi berparlimen lahir di England beberapa ratus tahun dahulu dan pahit maung yang ditempuhinya sehingga akhirnya diterima oleh semua pihak dan berjalan hingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan di-Raja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengariskan program kerja Kerajaan untuk tahun-tahun akan datang. Waktu tidak membenarkan saya untuk memperkatakannya secara panjang lebar. Oleh itu saya akan menumpukan ucapan ini sebagai ulasan ringkas sahaja.

Seperti Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, ekonomi negara tumbuh dengan pesat. Hasil pengeluaran utama masih laris di pasaran dunia dan mendapat harga yang memuaskan. Pengeluaran kilang sedang meningkat maju dan menguntungkan tukaran wang asing yang banyak. Kerugian yang ditanggung oleh industri berat sudah pun beransur-ansur susut.

Bagaimanapun sementara kadar pertumbuhan ekonomi kita agak memuaskan berbanding dengan pencapaian ekonomi di negara-negara perindustrian. Namun ini masih belum cukup tinggi atas dua sebab sekurang-kurangnya.

Pertama, kita menanggung bebanan hutang negara yang berat. Oleh itu sebahagian besar pendapatan negara digunakan untuk membayar hutang dan bunga hutang.

Kedua, masalah pengangguran, termasuk pengangguran di kalangan siswazah, masih tinggi. Semakin ramai lepasan sekolah dan lulusan maktab dan universiti memasuki pasaran buruh setiap tahun, maka angkatan pengangguran semakin besar jumlahnya.

Saya turut serta dengan Ahli-ahli yang lain menyokong seruan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada rakyat supaya meningkatkan usaha pembangunan. Kadar pertumbuhan ekonomi kita mesti dipertingkatkan dengan cepat sekiranya kita mahu mengawal bebanan hutang di satu pihak dan mengurangkan pengangguran di pihak yang lain.

Sungguh tepat Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa hanya rakyat yang jujur dan taat setia boleh membawa kemajuan kepada negara. Malangnya sejak akhir-akhir ini terdapat wabak skandal kewangan dalam negara kita yang tercinta ini. Belum sempat satu skandal dapat diselesaikan, timbul pula skandal yang lain. Yang terakhir ialah skandal berkaitan dengan Co-operative Central Bank. Sejumlah wang yang besar yang diamanahkan oleh beribu-ribu penyimpan yang kebanyakannya bertungkus-lumus setiap hari mencari nafkah dan menyimpan wang untuk hari kahwin, untuk keuzuran, untuk masa tua dan pendidikan anak-anak mereka habis lesap dipinjamkan kepada jerung-jerung besar tanpa jaminan yang secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan penjahat dan penipu berkeliaran di negara kita ini.

Penyalahgunaan kuasa, penyelewengan wang dan sebagainya meningkat dengan pesat dan sungguh membimbangkan. Waktunya sudah tiba untuk membunyikan loceng amaran.

Dalam satu bidang saya merasa lega, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas kejayaannya membanteras penagihan dadah. Oleh itu saya ingin menggesa Kerajaan supaya mengambil sikap dan tindakan yang sama tegas terhadap rasuah dan korupsi, membanteras perbuatan korupsi dalam sektor awam dan sektor swasta dengan azam dan dedikasi yang sama. Orang yang korup bukan sahaja terdapat dalam Kerajaan, di kalangan ahli-ahli politik dan birokrat yang menerima wang sogokan dan duit lasi. Mereka juga terdapat di kalangan orang-orang business, ahli-ahli perniagaan yang menipu sesama ahli perniagaan, menyelewengkan pasaran saham melalui insider trading, menyunglap syarikat kewangan dan bank seperti contoh CCB ini. Banteras mereka, dakwa mereka, hukum mereka. Saya tidaklah menyarankan supaya mereka dibawa ke tali digantung, tetapi yang bersalah mestilah dihukum setimpal dengan kesalahannya supaya orang-orang lain tidak berani melakukan mungkar seperti itu. Di mana-mana orang sekarang berkata Malaysia ini seolah-olah syurga kepada penyangak dan penipu. Selepas beberapa tahun di penjara seorang penyangak keluar sebagai orang awam yang bebas dan boleh menikmati kekayaan yang didapatinya hasil penipuan, hasil mencari wang jirannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik hati atas niat baik dan kesungguhan di pihak Kerajaan seperti yang terkandung dalam Titah Ucapan Di-Raja itu. Kita sama-sama berharap agar niat yang baik ini dilaksanakan seberapa segera agar negara kita yang dikasihi berada di

jalan yang benar mara menuju matlamat keamanan, kemajuan dan kemakmuran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas.

4.46 ptg.

Dato' Abdullah Ahmad (Kok Lanas): Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, tidak boleh dinafikan bahawa pembangunan ekonomi, sosial, politik, pentadbiran, hubungan antarabangsa serta diplomasi Malaysia dan harmoni di antara ethnic dalam negara ini telah berlaku dan terjalin dengan baik dan agak pesat kebelakangan ini sungguhpun pada awal pemerintahan Yang di-Pertuan Agong Yang Kelapan, pembangunan dan kemajuannya tidak ternampak cerah.

Ada satu ketika keadaannya agak membimbangkan, dengan izin, was a cause of serious concern, khususnya bagi mereka yang bersifat mudah hampa atau mudah hilang kepercayaan terhadap sesuatu. Dalam lain perkataan, mereka yang pessimist. Syukur alhamdulillah, berkat usaha kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional dan sokongan rakyat kepadanya, keadaan dalam semua bidang kehidupan telah bertambah baik. Bahkan ada tanda-tanda yang jelas bahawa jika keadaan yang positif dan stabil ini berterusan bahawa satu order baru, satu social and political system yang dynamic, progressive and industrialising akan muncul yang akan memberi hasil kepada semua setimpal dengan usaha, kepandaian dan kepakaran dan sumbangan masing-masing. Siapa yang produktif merekalah yang maju dan makmur. Kalau semua rakyat produktif, segar, negara kita maju, makmur, sihat dan

bersatu padu dan kita akan mencapai taraf NIC atau New Industrialising Country, sebelum kita pun sedar.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang hanya sembilan bulan sahaja lagi sebelum Dasar Ekonomi Baru tamat. Masa yang sama sebelum kita masuk ke dekad yang akhir bagi kurun yang ke 20. Era yang kita akan masuki antara 1990 dan kurun 21 adalah satu dekad yang amat dan sungguh-sungguh challenging dan mencabar bagi negara kita, khususnya bagi Bumiputera dan hak-hak istimewa dan kedudukan utama mereka kerana kesemuanya akan terus menjadi target bagi mereka yang mahu kita terus bertolak ansur dan compromise dengan mereka dengan berselindung di belakang perpaduan negara, pertumbuhan ekonomi, liberal democracy and meritocracy. Pressure dan tekanan supaya kita terus membuat accomodation untuk mereka akan berterusan. Tuntutan mereka akan lebih nyaring, berani dan ghairah kalau mereka nampak atau perceive, dengan izin, kita Bumiputera lemah dan tidak lagi bersatu padu dan kekuatan siasah kita berkecai dan berbelah bahagi. Mereka yang sudah menguasai ekonomi dan sosial sekarang ghairah pula hendak menguasai politik dan pentadbiran negara.

Tuan Speaker, recipe perpaduan negara bagi sesetengah orang di Malaysia ialah consensus yang menerima segala tuntutan mereka. Bagi saya recipe perpaduan negara ialah perkongsian atau power-sharing yang adil bagi semua bangsa dalam ekonomi negara dalam segala bentuk, visible and invisible industries and services, mestilah terlebih dahulu diselesaikan. Setelah ini dicapai, perkara-perkara lain, saya yakin, akan mengikutinya dengan senangnya. Amalan dan sifat compromise dan bertimbang rasa ini haruslah juga datang dari pendesak-pendesak ini.

Majlis Perundingan Ekonomi Negara atau MAPEN telah memulakan perbincangannya. Saya dapati perbincangan atau proceedingnya setakat ini berjalan dengan baik walaupun ada kalanya pedih telinga mendengar tuduhan-tuduhan dan tuntutan-tuntutan yang agak berlebihan daripada sumbangan dan hak mereka. Tetapi apa yang menggalakkan dan positif ialah tuntutan dan counter demands ini berjalan dalam suasana yang muhibah dan setiap anggota bercakap dengan bebas dan tanpa gangguan kecuali mereka yang menuntut bahawa mereka dibenarkan bercakap dalam bahasa Inggeris. Kadangkala standard debate dan penyampaian ucapan dan hujah-hujah itu tinggi. Maafilah, jika saya katakan lebih tinggi daripada proceedings di Dewan ini.

Pada pandangan saya, satu perkara yang jelas dan terang yang belum ditekankan oleh ahli-ahli MAPEN ialah peranan swasta dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kini dan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang baru atau DEBYB kelak. Pendesak-pendesak dan peserta-peserta setakat ini nampaknya melihat satu sudut sahaja, secara deliberate, secara sengaja — peranan Kerajaan sahaja. Pihak Kerajaan telah berbuat apa yang telah terdaya dan tanpa sumbangan dari swasta yang positif, terutama swasta tempatan, tidak hairanlah Dasar Ekonomi Baru telah gagal mencapai targetnya. Paling baik kita akan dapati 20% sahaja daripada matlamat asal 30% atau 63% sahaja.

Saya tidak menafikan kelemahan iktisad antara tahun 1981 — 1986 juga ada kaitan dan juga pelaksanaan yang lembab antara tahun 1976 — 1981 juga telah memberi kesan. Tetapi kalau pihak swasta tempatan atau yang local, melaksanakan Dasar Ekonomi Baru as vigorously as the Government, dengan izin, itu pun saya

yakin kita tidak akan capai matlamat 30%, tetapi saya berani berkata di sini seandainya ada vigorous atau sincere attempt, usaha yang jujur dari pihak-pihak tertentu dalam tahun 1970an dan 1980an, pencapaian Dasar Ekonomi Baru mungkin di antara 20% dan 25%. Ada peranannya, ada contributionnya tetapi setakat tokenism sahaja, bagi mengabui mata Kerajaan sahaja, malahan ada yang tidak peduli langsung kerana undang-undang tidak "mandatory" dalam restructuring, dalam penyusunan semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, terdahulu dari saya, seorang rakan karib telah bercakap tentang sakit hatinya melihat bahawa liberal democracy, perundingan dan prinsip consensus seolah-olah mulai pudar di kalangan pemimpin-pemimpin baru. Saya setuju dengannya. Saya juga turut bersedih, tetapi kita harus bertanya diri kita sendiri pula: Di manakah salahnya? Apakah rakyat Bumiputera tidak sakit hati dan sedih setelah 32 tahun merdeka, mereka masih hidup kedana dalam ibu pertiwi yang tercinta ini? Mereka rata-rata masih lagi hidup melarat, miskin melarat, miskin teruk. Malahan ramai lagi tanpa ada sebarang kemudahan asas seperti yang diceritakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah dan tentang kemunduran Bumiputera seperti yang dibayangkan oleh pembawa Usul Titah Di Raja ini, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap. Adakah mereka tidak sakit hati melihat orang lain senang lenang? Cubalah menung, tanpa Dasar Ekonomi Baru, kebanyakan rakyat Bumiputera akan terus tinggal seperti orang-orang hulu and nomadic aborigines, dengan izin, di Australia dan Red Indians di Amerika.

Tuan Speaker, saya tidak menafikan bukan semua rakyat bukan Bumiputera kaya dan senang. Saya sedar ramai keturunan bukan

Bumiputera yang miskin. Kita tidak menentang dan bahkan saya menyokong sekuat-kuatnya pembasmian kemiskinan di kalangan mereka, baik di bandar mahupun di kampung-kampung baru supaya dilaksanakan secara serius. Tatkala kampung-kampung baru mendapat segala kemudahan asas semasa darurat (1948-1960) orang-orang Melayu tidak marah, sungguhpun mereka tidak menikmatinya. Kita seronok pula melihat mereka mendapat kemudahan-kemudahan asas itu. Kita tidak dengki — itu adalah adat orang Melayu. Mereka hanya berhasrat dengki dengan bangsa mereka sendiri.

Sekarang kampung-kampung tradisional pula yang mendapat gilirannya dan tidak harus pula ada yang ungit-ungkit perkara ini secara terus terang atau sebaliknya. Kampung-kampung baru pun dapat juga, bahkan per kapita lebih tinggi dari kampung-kampung tradisional. Saya mahu melihat pembangunan sebaik mungkin di kampung-kampung baru bagi orang-orang Cina, di kebun-kebun dan di estet-estet bagi orang India dan di kampung-kampung tradisional bagi orang Melayu dan di Rumah-rumah Panjang dan ulu-ulu bagi orang Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak dan juga kepada Orang-orang Asli di Semenanjung. Tiada siapa menentang ini. Soalnya adalah prioriti — keutamaan sahaja, kerana Kerajaan terhad kemampuannya dan dalam politik, kerana kita ada pilihanraya, Kerajaan mestilah cuba memberi keutamaan kepada mereka yang sentiasa menyokongnya dan mereka yang lebih berhak dari perkiraan-perkiraan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka membetulkan gambaran kononnya orang Melayu senang lenang. Bumiputera mendapat segala-galanya, orang Melayu ramai dalam Kerajaan. Ini semuanya satu myth, suatu mitos, ini hanya satu dongeng yang sengaja

dibesarkan-besarkan oleh pihak-pihak tertentu dan diputarbelitkan untuk faedah pihak yang tertentu.

Pada tahun 1987, kadar kemiskinan di kalangan bangsa Melayu di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 24%, berbanding dengan hanya 7% bagi bangsa Cina dan 10% bagi bangsa India, manakala pada tahun 1976 angkanya ialah 54% bagi bangsa Melayu, 18% bangsa Cina dan 29% India. Dari segi bilangan, jumlah isirumah miskin Bumiputera merupakan 14.8% pada tahun 1976, sementara pada tahun 1987 peratusannya ialah sebanyak 8.8%.

Sesungguhnya bangsa bukan Bumiputera menikmati berbagai faedah, malahan dalam beberapa program melebihi daripada Bumiputera sendiri, seperti dalam construction industries, services industries dan invisible trade.

Keadaan kemiskinan di bandar telah bertambah baik sejak tahun 1970. Kadar kemiskinan di bandar di Semenanjung Malaysia telah berkurangan daripada 15.1% pada tahun 1976 kepada 8.1% pada tahun 1987. Walau bagaimanapun, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, keadaan kemiskinan di bandar tidak banyak berubah. Keadaan ini disebabkan oleh kemelesetan ekonomi yang mengakibatkan pengurangan peluang-peluang pekerjaan dan pendapatan. Keadaan yang sama juga terdapat di Sabah dan Sarawak.

Perlu diambil perhatian bahawa pada tahun 1970, bangsa bukan bumiputera merupakan hampir 65% daripada jumlah isi rumah miskin di bandar tetapi kini mereka hanya 46% sahaja. Ini bermakna pada masa sekarang kemiskinan bandar lebih merupakan fenomena bumiputera. Antara tahun-tahun 1984-1987, statistik menunjukkan dalam keadaan kemelesetan ekonomi, bukan bumiputera khususnya bangsa Cina

masih dapat mengurangkan kadar kemiskinan dan bilangan miskin sementara bagi bumiputera, kedua-duanya meningkat bertambah tinggi lagi. Namun demikian, Kerajaan telah membantu mempertingkatkan tarap hidup golongan miskin di bandar tanpa mengira bangsa dan suku. Berbagai kemudahan telah disediakan termasuk bekalan air, elektrik, pelajaran, kesihatan, perhubungan dan perumahan kos rendah. Di samping itu, Kerajaan mengadakan berbagai insentif untuk menggalak atau mempercepatkan pertumbuhan industri-industri besar dan kecil supaya banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan untuk dinikmati oleh semua bangsa dari semua kaum.

Bagi pembangunan kampung di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$25 juta untuk Kampung Baru dan \$100 juta sahaja bagi kampung-kampung tradisional Melayu. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak \$7 juta bagi Kampung Baru dan \$34.6 juta bagi kampung tradisional. Kesemua peruntukan tersebut telah dibelanjakan. Berhubung dengan peruntukan tanda token vote \$10 bagi Kampung Baru sebenarnya peruntukan itu adalah bagi tahun 1988. Walau bagaimanapun, bagi menampung keperluan tahun 1988, Kerajaan telah meluluskan pindah peruntukan sebanyak \$0.41 juta bagi maksud pembangunan Kampung Baru. Oleh yang demikian, di bawah RME dan RML, Kampung Baru memperolehi sejumlah peruntukan sebanyak \$32.42 juta manakala kampung-kampung tradisional hanya diberi peruntukan sebanyak \$134.6 juta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi jika dianalisa dari segi pembahagian peruntukan di antara Kampung Baru dan kampung tradisional jelas

menunjukkan bahawa di bawah RME setiap Kampung Baru memperolehi peruntukan purata sebanyak \$54,824.56 berbanding dengan kampung tradisional yang hanya memperoleh secara purata sebanyak \$8,510.64. Di bawah RML pula, setiap kampung Baru memperolehi peruntukan sebanyak \$15,350.82 berbanding dengan kampung tradisional yang hanya mendapat \$2,984.68 sahaja di bawah Rancangan Jimat Cermat Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan pencapaian ekuiti bumiputera dalam sektor korporat juga tidak memuaskan. Maklumat-maklumat adalah didapati dari dua punca sah sah iaitu; penyiasatan-penyiasatan hakmilik syarikat yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan perangkaan dari Pejabat Pendaftar Syarikat. Oleh itu dakwaan bahawa maklumat pencapaian bumiputera sengaja direndahkan dan data bagi bukan bumiputera ditinggikan adalah tidak berasas. Perkiraan-perkiraan menunjukkan bahawa ekuiti bumiputera adalah 19.4% dari kesemua ekuiti sektor korporat pada tahun 1988 dan bukan bumiputera pula memiliki 34.7%.

Walaupun bagaimanapun, jika pemilikan kedua bentuk syarikat nominee dan syarikat kawalan tempatan diasingkan, bahagian bumiputera meningkat menjadi 25% dan bukan bumiputera 44%. Tetapi pencapaian bukan bumiputera yang besar ini berapa pula Cina dan India? Breakdown di antara Cina dan India daripada 44% itu. Dan kebanyakannya ekuiti bumiputera ini sebenarnya adalah dimiliki oleh institusi-institusi Kerajaan. Individu-individu Melayu tidak ramai. Lagi pun ada antara orang-orang Melayu ini hanya menjadi "proxy-proxy" kepada bukan bumiputera—the Ali Baba. Yakni nama Melayu dipinjam. Kalau ini diambil kira, penyertaan bumiputera lagi kecil, amat lemah.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat daripada penyiasatan hakmilik syarikat, 1983 bahawa tidak ada satu sektor pun yang pemilikan bumiputera mencapai 30%. Satu pun tidak ada sektor bumiputera mencapai 30%. Sungguhpun peratus pemilikan bumiputera di dalam institusi kewangan dan bank-bank perdagangan melebihi 30% tetapi penyertaan ekuiti bumiputera adalah melalui peme-gangan saham oleh Kerajaan dan agensi-agensi amanah yang tidak boleh dianggap sebagai kepunyaan bumiputera, ia adalah hak milik Kerajaan. Pemilikan bumiputera di sektor pertanian hanyalah kira-kira 13% sahaja, perlombongan 5%, perkilangan kira-kira 15% dan pembinaan kira-kira 15%, termasuk Ali Baba. Oleh itu adalah agak mustahil pada tahun 1985 pencapaian bumiputera keseluruhannya mencapai 30% sebagaimana yang didakwa. Pemilikan bumiputera di sektor perladangan juga masih rendah. Pemilikan bumiputera yang dianggarkan mencapai 32% di sektor perladangan adalah hanya bagi beberapa syarikat awam yang utama sahaja.

Kajian-kajian yang dibuat selama ini menunjukkan bahawa pelaburan adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor ekonomi dan bukan oleh Dasar Ekonomi Baru. Pelabur-pelabur tempatan masih lagi dalam peringkat penyesuaian dengan suasana pemulihan ekonomi yang memerlukan perubahan bentuk pelaburan. Dalam keadaan ini, pelabur-pelabur luar negeri telah dapat mengisi kekosongan pelaburan-pelaburan dan terpulanglah kepada pelabur-pelabur dalam negeri untuk merebut peluang-peluang perniagaan yang ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa polisi Kerajaan telah dilaksanakan secara adil, seadil boleh given the circumstances, we are in, dengan izin. Flexible dan

penyesuaian-penyesuaian yang diadakan oleh Kerajaan baru-baru ini menunjukkan bahawa tuduhan yang ditimbulkan kononnya Kerajaan dan kakitangannya rigid adalah tidak berasas sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kononnya, ada diskriminasi dalam pelaksanaan program industri kecil juga adalah tidak benar sama sekali. Maklumat-maklumat yang saya dapati dari sumber-sumber yang sah menunjukkan kebanyakan lesen-lesen yang dikeluarkan bagi peniaga-peniaga kecil dan penjaja di bandar-bandar besar di negara ini sebahagian besar daripadanya adalah diperolehi oleh rakyat bukan bumiputera. Pada tahun 1986 misalnya daripada 3,001 jumlah lesen yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Petaling Jaya, peratusan yang diperolehi oleh bumiputera ialah hanya 11.7% berbanding dengan bukan bumiputera sebanyak 88.3%. Begitu juga di Johor Bahru lesen-lesen yang diperolehi oleh bumiputera pada tahun yang sama cuma 12.2% manakala bukan bumiputera sebanyak 8.8%. Dan keadaan sama juga berlaku di bandar-bandar besar yang lain. Kalau saya sempat masa saya boleh sebut town by town, village by village.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kita menang sorak sahaja. Mereka kata kita maju tatkala kita miskin, just imagine what would they be saying about us if we are rich, dengan izin. Kalau kita benar-benar kaya mereka akan gambarkan kita semua sebagai raja dan maharaja. Sebenarnya siapakah raja dan maharaja ekonomi di negara ini? Pegawai dan kakitangan Kerajaan kononnya ramai orang Melayu, ramai orang bumiputera. Bumiputera dan orang Melayu hanya ramai dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) sahaja dan itu tidak boleh dipersoalkan kerana ialah ada peruntukan yang telah dientrenchkan di dalam Perlembagaan atau Constitution. Dalam technical, medical

dan professional services, bukan Melayu lebih ramai lagi. Tidaklah wajar dan tidak adil selective distortion diheboh-hebohkan dan diputar-belitkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin lihat negara kita melahirkan satu order baru dan satu social and political system yang saksama dan progressive, satu rupa bangsa, satu nationality, satu bahasa, satu budaya dan satu matlamat, satu hati, satu negara yang kukuh, gagah, makmur dan aman untuk semua bangsa dengan mengambil kira ciri-ciri dan keunikan sekalian bangsa. Bagi mencapai ini, system yang ada sekarang ini hanya dapat dirombak apabila tidak ada lagi perbezaan kaum/bangsa atau ethnic dalam negara kita, apabila identification kaum dengan fungsi ekonomi atau pekerjaan tidak wujud lagi. Dan ini hanya akan tercapai apabila seperti kata Abdullah Ahmad dalam bukunya "Tunku Abdul Rahman Dan Dasar Luar Malaysia 1963-1970—apabila orang Melayu telah menguasai ekonomi, seperti mereka telah menguasai kuasa politik.

Bumiputera takut dan bimbang kepada potensi kekuasaan politik orang bukan Melayu. Seperti kata seorang sarjana Eropah, J. Frankel dalam bukunya: "Malaysia and Singapore—Two Foreign Policies Interactions". Saya sebut apa kata Frankel—"Orang Melayu takut kekuatan ekonomi yang besar orang-orang Cina dan yang tidak ada tandingannya akan digunakan mereka sebagai asas yang kukuh untuk mencapai kekuasaan politik".

Tuan Yang di-Pertua, adalah keinginan hati saya, juga kehendak semua rakyat bumiputera — kami adalah satu bangsa yang ikhlas dan bertimbang rasa tetapi ada hadnya. Untuk terus membentuk satu negara Malaysia yang bersatu padu berdasarkan kepada ciri-ciri dan keperibadian bangsa induk dengan segala baik dan buruk keindukannya.

kita sedar negara ini kerana sejarah kolonial, ia adalah terdiri dari pelbagai bangsa, agama dan bahasa dan budaya. Kerana itu saya ingin dan merayu semua agar menghormati antara satu sama lain, hidup harmoni dan aman sentosa sentiasa. Oleh kerana kita jauh lagi daripada mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, Perpaduan Negara dan Penghapusan Identification Kaum Dengan Fungsi Ekonomi, kita belum lagi melahirkan kelas menengah Melayu yang credible, kita belum lagi melahirkan bumiputera commercial and industrial community yang kuat dan gagah maka dasar-dasar yang ada ini haruslah dilanjutkan dan diperhebahkan lagi pelaksanaannya dengan diambil kira the legitimate interests of the other people — yakni orang-orang yang bukan bumiputera bagi mencapai perpaduan dan solidarity negara pencapaian ekonomi bumiputera hendaklah dipertingkatkan sesuai dengan kedudukan primacynya dalam politik.

Negara tidak mampu mewujudkan satu masyarakat bukan bumiputera yang tidak senang hati (alienated) kerana itu menjejaskan masa depan negara tetapi it is worst, dengan izin, lebih buruk lagi jika bumiputera yang majority, terus keciwa dan frustrated bagi mencapai status yang sama dalam fungsi ekonomi dan profession dengan bangsa-bangsa lain di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir madah, kedua-dua pihak mestilah bertimbang rasa. Apa yang ada pada kami telahpun kita berkongsi; apa yang ada pada dema kata orang Kelantan, "usah hendak pegang, peluk cium, jauh sekali, jamah pun tak boleh". Dengan izin, let us share equally what you have which are plenty, and we will share quite fairly with you what we still have, which is very little. Kepada kawan karib saya dari Bakri, *onus probandi*, bahasa Latin, dengan izin, untuk kita melahirkan satu

masyarakat yang saksama adalah di tangan mereka yang ada advantage dalam kehidupan dalam dunia ini. Lebih kurang—kita sharelah kemewahan dan kekayaan anda dan kita berkongsilah kemiskinan yang ada pada kami.

Lastly, dengan izin, prospect negara kita di bahagian akhir decade ini baik, lebih baik dan cerah lagi apabila kita masuki era baru kurun ke-21. Kita tidak perlu ada pilihanraya sehingga tamat mandate yang ada pada musim daun gugur tahun 1991. Mulai sekarang kita berilah perhatian kita sepenuhnya kepada pembangunan dan kesejahteraan rakyat dan hanya kembali kepada rakyat apabila kita benar-benar telah bersedia.

Saya menyokong dan memberi tahniah atas ucapan Titah Di Raja ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Batu Berendam.

5.17 ptg.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang menyokong usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana sejak kebelakangan ini negara kita berada dalam keadaan semakin stabil dan kukuh. Walau bagaimanapun, seperti biasa dan seperti negara-negara lain di dunia, Kerajaan dan parti yang memerintah tidak boleh bermimpi ia akan berada di lautan tenang pada setiap ketika. Gelombang angin dan ribut adalah lumrah alam. Yang penting ialah bagaimanakah para pemimpin kita mengemudi bahtera Kerajaan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh Kerajaan.

Satu faktor yang amat jelas ialah negara kita adalah sebuah negara yang paling stabil di dunia pada hari ini. Tidak ada malapetaka alam yang berlaku yang mengurbankan beribu-ribu nyawa dan harta benda yang banyak sehingga memungkinkan dharurat. Tidak ada rampasan kuasa yang boleh mengancam sistem pemerintahan dan pentadbiran, tiada institusi bawah tanah atau gerakan haram yang boleh mencabar Kerajaan dengan seriusnya dan tidak ada tunjuk perasaan-tunjuk perasaan yang boleh menjatuhkan airmuka Kerajaan seperti mana yang sering berlaku di Korea, Japan dan Taiwan. Dalam pada itupun, kita mungkin menghadapi masalah persaingan antara kaum yang berpunca dari ketidak kesimbangan pendapatan dan pengagihan kekayaan negara. Tetapi masalah ini tidak meletus ke jalanraya-kejalanraya sejak negara mencapai kemerdekaan 32 tahun yang lalu, kecuali sekali dalam tahun 1989.

Dalam tahun tersebut demokrasi di negara kita telah lumpuh selama 21 bulan akibat kegiatan persaingan antara kaum yang melampaui batas. Pada ketika itu wujud gerakan chauvinist, perkauman yang menggunakan saluran politik seperti parti Pembangkang untuk merebut kuasa dari orang Melayu. Kegiatan golongan ini dibantu oleh komunis yang menunggu untuk merampas kuasa dari keadaan huru-hara dalam negara. Saya yakin jika tidak kerana kesabaran para pemimpin Melayu pada ketika itu, bukan sahaja huru-hara akan meletus dengan cepat, bahkan demokrasi yang digantung ketika itu mungkin sukar untuk dipulihkan seperti sediakala. Oleh itu, sekali lagi saya ingin merakamkan rasa bangga kepada pucuk pimpinan Kerajaan kerana kejayaan-kejayaan yang cemerlang itu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat adalah tulang belakang Kerajaan yang paling

essential. Kerajaan boleh tumbang tanpa sokongan rakyat dan rakyat juga boleh hancur kalau di kalangan mereka terdapat anai-anai yang sentiasa berusaha untuk memakan tulang belakang mereka sendiri. Tidak banyak yang boleh dilakukan oleh Kerajaan untuk menolong membangunkan rakyat kalau rakyat sendiri berusaha untuk tumbang-menumbang sesama sendiri, malah kegiatan seperti ini lambat-laun akan menumbangkan negara ini sendiri.

Sejak UMNO ditubuhkan oleh orang-orang Melayu dalam tahun 1946 dahulu, lebih kurang 43 tahun yang lalu, kita telah menyaksikan tahap-tahap di mana orang-orang Melayu perlahan-lahan memanjat kejayaan demi kejayaan. 20 tahun sebelum UMNO ditubuhkan, iaitu dalam tahun 1926 sehingga akhir Perang Dunia Kedua, orang Melayu hanya berharap dan meminta kepada penjajah supaya bangsanya diiktiraf dan diberi hak untuk mentadbirkan negara mereka sendiri. Dalam tahun-tahun 20an orang Melayu hanya bersuara melalui akhbar-akhbar, melalui majalah dan risalah termasuk berselindung dalam karya-karya sastera untuk menyatakan sikap mereka terhadap penjajah. Keadaan ini berpanjangan sehingga 20 tahun, iaitu setelah UMNO ditubuhkan dalam tahun 1946.

Sejarah telah membuktikan bahawa dalam tempoh 20 tahun sebelum Perang Dunia Kedua, orang-orang Melayu rata-rata adalah satu bangsa yang meminta-minta, berkhayal dan bermimpi. Mereka bermimpi untuk mendapatkan pendidikan yang baik untuk anak-anak mereka. Mereka bermimpi untuk mendapatkan pekerjaan yang baik dengan pentadbiran penjajah. Mereka bermimpi untuk memiliki tanah dan ladang yang tanahnya kepunyaan mereka. Mereka bermimpi untuk menjadi tuan dalam negara mereka sendiri seperti sebelum Perjanjian Pangkor Tahun 1874.

Sesungguhnya orang Melayu telah jauh berjalan dan menderita. Mereka tidak mendapat kemerdekaan ini dengan mudah. Orang Melayu mendapat kemerdekaan ini setelah mereka terpaksa mengorbankan beberapa bahagian penting daripada hak mereka itu sendiri. Orang Melayu terpaksa memberi kerakyatan kepada orang lain dan mereka terpaksa berkongsi harta dan kekayaan negara ini dengan kaum-kaum lain. Jika orang Melayu merasa mereka tidak mendapat balasan dari apa yang telah mereka korbakan, maka puncanya adalah jelas sama sekali. Dalam keadaan seperti ini dan dengan latar belakang sejarah seperti ini, orang Melayu mempunyai kes untuk berasa gelisah apabila ketuanan Melayu yang diterima oleh semua pihak pada ketika itu tidak dihormati sepenuhnya sekarang ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran yang kita perolehi dari peristiwa 46 ini ialah sebarang usaha untuk mengambilalih kuasa dari orang Melayu atau sebarang ikhtiar untuk menghakiskan ketuanan Melayu dapat tidak akan menggerakkan seluruh jiwa dan tenaga orang Melayu untuk menentanginya habis-habisan. Berdasarkan sejarah orang Melayu tidak akan berdiam diri kalau mereka syak ada usaha-usaha di luar kaum mereka yang cuba menguji kemampuan orang Melayu untuk bertindak. Ini bertindak. Ini bermakna UMNO sentiasa berhati-hati dan berwaspada terhadap setiap riak dan gelombang yang bercita-cita untuk mencabar kesabaran orang Melayu menerusi tuntutan pelajaran, ekonomi dan politik.

UMNO adalah sebuah parti politik orang Melayu tunggal di negara ini yang memperjuangkan nasib orang Melayu, termasuk agama mereka. Oleh itu, ia tidak bersedia untuk

menerima perubahan yang datang kerana paksaan dan mendadak. lebih-lebih lagi yang tidak memperhitungkan cita-cita serta objektif asal ketika ia ditubuhkan dalam tahun 1946 dahulu. UMNO dibangunkan dari cita-cita orang Melayu yang berusaha puluhan tahun, malah berasaskan sistem politik beraja, UMNO lahir dari aspirasi keagungan Empayar Melayu Melaka, yang berusia hampir 500 tahun. Ia wujud dari proses evolusi sikap, falsafah dan tindakan yang tersusun yang menggabungkan seluruh cita-cita budaya, pemikiran, agama, ekonomi dan politik orang Melayu itu sendiri. Adakah orang Melayu boleh bercerai dengan UMNO atau adakah UMNO sanggup menjadi petualang dalam sejarah kerana membelakangkan cita-cita orang Melayu, yang berusia ratusan tahun itu. Pada ketika itu, pada ketika UMNO sanggup berbuat demikian, maka ketika itulah sejarah orang Melayu di negara ini akan mati.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan antara kaum menjadi kesulitan kepada Kerajaan kerana orang Melayu sendiri tidak melihat implikasi dari mereka sendiri. Golongan-golongan yang berkepentingan dari luar lingkungan orang Melayu juga tidak sedar implikasi dan permintaan dan tenaga mereka yang boleh menyebabkan orang Melayu disyaki oleh bangsa mereka sendiri. Perpaduan sebenar antara kaum di negara ini boleh menjadi realiti kalau parameter politik bukan Melayu mengambilkira sejarah detik-detik perundingan berhubung dengan kerakyatan, latar belakang budaya, bahasa, agama dan sistem politik negara ini. Kaum-kaum Melayu boleh kembali kepada sejarah untuk menguji kejujuran orang Melayu terhadap kaum-kaum lain di negara ini. Bukti sejarah yang terakhir dan terdekat sekali ialah kemenangan calon Barisan Nasional, iaitu bukan UMNO dalam pilihanraya kecil Ampang Jaya baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, parti-parti politik patut sedar dan memahami ruang yang sebenar yang membolehkan mereka bergerak. Jika mereka memahami sempadan ini dan mematuhi peraturan dan hukum-hukum asas atau "ground rules", dengan izin, mereka tidak akan tergamak untuk bertindak di luar batasan atau menutup dan mengenyakan ruang bergerak dan bertindak yang dikhaskan kepada orang lain. Dalam sistem politik yang berasaskan kepada dominant Melayu, ruang-ruang ini telah disediakan dan ditetapkan. Ketegangan dan konflik berlaku kerana ada ahli-ahli politik dari bukan parti UMNO yang sentiasa berikhtiar dan mencari jalan untuk melakukan violation atau melanggar peraturan semata-mata kerana mereka didesak oleh pengikut mereka dari bawah. Untuk menjadi popular, mereka memilih jalan paling ringkas. Yang mengelirukan ialah mereka menyahut seruan Kerajaan agar perpaduan dipupuk sedangkan mereka tidak bersedia bercerai dengan amalan yang tidak mungkin menjadikan mereka popular. Adakah mereka pernah mengkaji faedah jangka panjang kepada rakyat dan negara ini kepada sistem persekolahan pelbagai jenis. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan daripada MCA, alhamdulillah, berada di dalam Dewan ini sekarang ini. Mereka mahukan perpaduan tetapi bagaimanakah perpaduan dapat diwujudkan dari sistem pendidikan yang mengamalkan pelbagai sekolah dan pelbagai bahasa. Bolehkah sekolah Cina dan sekolah Tamil disamakan dengan sekolah kebangsaan dalam erti kata perpaduan?

Bolehkah amalan segregation of race, dengan izin, atau pengasingan kaum ini ditakrif sebagai kaedah untuk mempercepatkan perpaduan kaum, atau adakah kita mahu mengekalkan kepelbagaian dalam pelbagai perkara untuk mewujudkan

perpaduan. Tidakkah perlu amalan-amalan yang kontradiktori atau yang bertentangan diberi rawatan emergency?

Para pemimpin politik yang sering menunjukkan muka yang manis apabila Kerajaan menyeru agar menggalakkan perpaduan di kalangan rakyat patut kembali kepada kaum-kaum mereka untuk membahaskan soal ini secara jujur dan ikhlas. Adakah patut mereka mempertahankan pendidikan berbagai aliran. Sepatutnya sistem pelbagai aliran ini telah lama dihapuskan setelah tempoh monotorium mengalami kegagalan dalam perhubungan kaum.

Kita jangan terperanjat setelah hampir 40 tahun merdeka masih terdapat pemuda-pemuda yang tidak boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia yang sebenarnya. Di manakah kita patut memulakan usaha-usaha perpaduan kalau di kalangan pemuda-pemuda kita masih ramai yang tidak boleh menguasai Bahasa Malaysia dengan baik. Tuan Yang di-Pertua, syor saya ini bukanlah permulaan bagi satu proses untuk melemahkan budaya kaum-kaum lain seperti mungkin terdapat tuduhan seperti itu kepada saya, sebaliknya ia adalah permulaan bagi mewujudkan keadaan sosial dan politik yang sihat di negara ini. Para pejuang bahasa dan budaya itu tahu di negara ini masih boleh ada kes belum menunjukkan para pemimpin Kerajaan menggunakan kuku besi untuk menutup ruang mereka untuk mengamalkan kebudayaan mereka dengan bebas, sebaliknya dengan persetujuan Kerajaan, sebagai contoh, PEMADAM baru-baru ini membawa masuk pasukan kebudayaan negeri China untuk membuat pertunjukkan kebudayaan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan rakyat akan mengukuhkan kedudukan ekonomi negara, sebaliknya ekonomi yang kukuh tidak menjamin

perpaduan rakyat yang kukuh, malah kerana perpecahan di kalangan rakyat, ekonomi yang kukuh boleh menjadi lemah dalam sekelip mata. Ada segolongan rakyat yang mengkritik Kerajaan kerana ekonomi lambat berkembang, dan kerana turunnya nilai ringgit dan sebagainya. Tetapi mereka sendiri tidak berbuat apa-apa selain dari mencari kesilapan Kerajaan dan menunggu untuk mengkritik sahaja. Jika Kerajaan stabil, mereka berdiam diri dan tidak memuji usaha-usaha para pemimpin Kerajaan yang berjaya menstabilkan negara. Tetapi apabila sahaja berlaku keadaan buruk, ada di antara mereka yang membuat kenyataan-kenyataan akhbar kepada media asing di London ataupun di Hong Kong. Kononnya, negara kita tidak stabil, kerana ia diperintah oleh diktator. Alasan-alasan mereka diolah sebegitu rupa sehingga ia merupakan satu pemikiran yang sukar ditepis kebenarannya. Kegiatan-kegiatan seperti ini nampaknya sudah reda sekarang, dalam pada itu pun masih terdapat segelintir dari golongan ini yang masih lantang dan hanya menunggu untuk mencari peluang untuk mengkritik Kerajaan. Trend yang ditunjukkan oleh golongan ini nampaknya mendapat sokongan segolongan orang yang berpelajaran dan walaupun mereka ini tidak berpengaruh, kecuali kedudukan dan pangkat mereka dalam Kerajaan, mereka menjalankan kempen menfitnah para pemimpin yang mereka tidak suka kerana mereka bercita-cita untuk menaikkan pemimpin yang mereka sanjung.

Golongan ini patut memainkan peranan yang positif dan membina dengan memberi ceramah dan menyebarkan dasar-dasar Kerajaan. Mereka tidak patut menjadi alat atau platform bagi golongan-golongan yang berkepentingan dalam parti. Sebagai alat Kerajaan, mereka patut memainkan peranan untuk membentuk pemikiran rakyat ke arah

development oriented, dan bukan melaga-lagakan para pemimpin.

Saya harap Kerajaan berwaspada terhadap golongan yang mahu digelarkan sebagai "spearheads", dengan izin, bagi menaikkan pemimpin-pemimpin tertentu di negara ini. Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru dan berharap agar agensi-agensi Kerajaan yang telah diwujudkan selama ini seperti PENAUNGAN, SERANTA dan Biro Tata Negara, khasnya, memainkan peranan yang positif ke arah yang murni ini dan bukannya digunakan oleh setengah pihak atau kumpulan ataupun pemimpin untuk menaikkan atau menonjolkan pemimpin tersebut dengan cara menabur fitnah, memburuk-buruk dan mencerca pemimpin-pemimpin lain. Mereka ini tidak sabar dan tidak percaya kepada qadak dan qadar untuk cepat naik ke atas. Perbuatan pemimpin atau golongan ini samalah seperti tok imam yang memberi khutbah Jumaat dan selepas itu melakukan perbuatan-perbuatan mungkar seperti menabur fitnah, atau mengada-adakan cerita-cerita dongeng dan sebagainya kepada beberapa orang jemaahnya dengan harapan mereka yang mendengarnya akan pula meluaskan atau menyebarkannya pula kepada orang lain dan seterusnya. Bersabarlah, bertakwalah—rezeki itu tidak akan ke mana-mana jika ianya kepunyaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kejayaan rancangan pembangunan ekonomi negara Kerajaan mungkin tidak boleh mengharapkan para pengkritik. Dalam sejarah negara kita para pengkritik selalunya terciirnya, kerana sejarah yang terjalin antara Kerajaan dan para pengkritik, kalau adapun jalinan seperti itu adalah sangat tipis dan tidak kekal. Para pengkritik tidak pernah merupakan satu institusi yang penting di negara kita ini kerana mereka tidak mempunyai latar belakang sebagai

pressure group yang bermakna dan constructive dari masa ke semasa. Mereka muncul dan hilang, dengan izin, they come and go, they change faces and style, they change strategies and more important they change garbs. Mereka bergantung kepada isu dan temperment serta kumpulan penyokong. Walaupun kadang-kadang ada di kalangan mereka diserapkan ke dalam parti pembangkang, mereka sering hilang credibility. Parti-parti Pembangkang yang mereka sertai juga kadang-kadang timbul tenggelam dengan mereka. Walaupun mereka pernah menguasai Kelantan, Terengganu dan Pulau Pinang, kesemuanya dikuasai semula oleh Kerajaan sekarang ini. Sejak pilihanraya yang pertama dalam tahun 1955, pembangkang telahpun wujud di negara ini, tetapi Kerajaan tidak pernah mengharap mereka untuk mewujudkan kestabilan ekonomi di negara ini. Yang menjadi tunggak kekuatan Kerajaan selama ini ialah sektor swasta, pentadbiran dan para pemimpin parti pemerintah.

Gabungan yang baik antara swasta, perkhidmatan awam dan parti pemerintah telah membawa kejayaan kepada Kerajaan untuk memerintah dalam pilihanraya-pilihanraya yang lepas. Dengan bantuan Kerajaan sektor swasta telah memberi sumbangan yang besar kepada kestabilan ekonomi negara. Kestabilan ekonomi penting bagi menghadapi rakyat dalam sistem demokrasi. Usaha-usaha pembangunan negara serta kejayaan-kejayaan masa lalu banyak dicetuskan oleh perasaan tanggungjawab dan dedikasi sektor swasta, pegawai-pegawai Kerajaan juga memberi sumbangan yang amat bermakna kepada kelicinan pentadbiran Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan mahupun di negeri-negeri. Pendidikan mereka yang baik telah menjadikan mereka satu golongan yang berpengaruh dalam perkhidmatan awam. Tenaga

perkhidmatan awam kita adalah di antara yang paling besar dan berpengaruh di Asia. Sektor ini mempunyai satu juta tenaga personnel dari jumlah 16 juta penduduk. Peranannya telah menjangkau lebih separuh abad dan ia mempunyai rekod yang baik dalam membantu pengurusan Kerajaan. Yang paling penting majoriti dalam perkhidmatan awam adalah orang Melayu, iaitu yang terdiri dari rata-rata anak petani luar bandar, campuran antara orientasi luar bandar dan urbanism adalah penting bagi sebuah Kerajaan yang membangun dan syarat serta nilai-nilai urbanrural ini telah tertanam dalam sistem perkhidmatan awam negara kita untuk memudahkan Kerajaan menyelami hati nurani mereka yang kurang berada, dan memudahkan usaha-usaha untuk menerapkan dasar-dasar Kerajaan untuk kestabilan ekonomi dan politik. Gabungan antara sektor swasta, perkhidmatan awam dan parti pemerintah adalah essential.

Para pelabur asing dari negara-negara maju akan tertarik kepada pentadbiran Kerajaan dan agensi Kerajaan yang kemas, sebagaimana mereka tertarik kepada sistem pengurusan bank dan kewangan yang teratur. Seperti juga pelaburan tempatan, Tuan Yang di-Pertua, maka Kerajaan tidak boleh menganggap pelaburan asing boleh tumbuh dan berkembang dengan pesat dalam suasana peraturan perdagangan yang ketat. Inflexibility dan rigidity, dengan izin, yang wujud dalam peraturan-peraturan perdagangan hari ini haruslah dikaji pula untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi. Dasar-dasar dan peraturan bank tempatan perlu diteliti semula untuk memberi ruang yang lebih besar kepada pengaliran pelaburan perdagangan, dalam dan luar negeri. Ini bermakna Kerajaan perlu mengkaji serta-merta segala insentif yang diberi kepada firma asing supaya

insentif yang serupa ditawarkan atau dipanjangkan kepada firma-firma dan institusi perdagangan tempatan. Dengan lain-lain perkataan, untuk mempercepatkan pengaliran pelaburan dan kepesatan ekonomi, Kerajaan perlu menggunakan serampang dua mata dengan mengendurkan peraturan-peraturan lapuk yang dianggap boleh menyekat dan melambatkan kemajuan dan pertumbuhan ekonomi.

Negara sekarang berada di peringkat penggubalan Dasar Ekonomi Negara selepas 1990. Ia juga berada di tengah-tengah Negara NIC. Di sekeliling kita sekarang bukan sahaja negara-negara NIC yang berjaya menunjukkan taring mereka yang garang dalam melaksanakan cita-cita ekonomi, bahkan beberapa buah negara jiran juga telah menunjukkan kemampuan yang jauh lebih baik daripada negara kita. Dasar-dasar perdagangan dan kewangan kita sepatutnya diselaraskan dengan perkembangan di sekeliling kita. Ekonomi yang kurang stabil bukan sahaja memberi kesan buruk kepada Kerajaan bahkan boleh membawa akibat lain kepada rakyat yang lebih penting kepada sistem demokrasi negara.

Dalam melaksanakan langkah-langkah yang lebih berani untuk memajukan ekonomi negara, saya ingin mengesyorkan agar peraturan-peraturan untuk mengambilalih syarikat ataupun "take-overs" dan percantuman (mergers) yang dikendalikan serentak oleh FIC, Take-Over Panel (TOP) dan CRC diselaraskan dengan maksud untuk mengurangkan penapisan dan kajian serta mengurangkan jangka waktu membuat keputusan. Peraturan-peraturan yang wujud patut dikendurkan untuk memudahkan transactions, dengan izin. Dalam suasana ekonomi seperti yang dihadapi

oleh negara kita sekarang, peraturan-peraturan yang diwujudkan untuk mengambilalih dan percantuman malah untuk menambahkan right issues, contohnya, sepatutnya disemak semula dengan tujuan yang memudahkan transactions tersebut. Transaction yang melibatkan \$5 juta sebagai contoh, misalnya, tidak seharusnya dirujuk lagi kepada FIC kerana jumlah ini adalah kecil sekarang ini. FIC hendaklah menumpukan transaction yang melibatkan sekurang-kurangnya \$20 juta ke atas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengambil kesempatan di sini juga untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kerajaan yang baru-baru ini telah memansuhkan ataupun telah menghapuskan cukai ataupun Lesen Radio kepada rakyat. Tindakan Kerajaan ini adalah membuktikan Kerajaan Barisan Nasional hari ini adalah amat peka dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat. Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan di sini hendak mengesyorkan kepada Kerajaan untuk melihat ataupun untuk mencari jalan mengurangkan beban yang dipikul oleh satu kumpulan rakyat di negara ini iaitu masalah yang dihadapi oleh pemandu teksi, kereta sewa limousine dan sebagainya.

Adalah difahamkan pada tahun 1988 hasil kutipan daripada cukai jalan yang dikenakan kepada tuan-tuanpunya teksi, kereta sewa dan limousine adalah berjumlah \$7.25 juta. Angka ini kepada saya adalah tidak besar kerugiannya kalau sekiranya Kerajaan menghapuskan sahaja cukai jalan ini terhadap tuan-tuanpunya teksi, kereta sewa dan limousine itu, kalau dibandingkan dengan kerugian yang dialami oleh Kerajaan apabila Kerajaan menghapuskan Lesen Radio yang berjumlah lebih kurang kalau tidak silap saya lebih daripada \$20 juta.

Jadi, saya berharap Kerajaan dapat menimbang syor saya ini.

Dengan kata-kata ini saya menyokong di atas Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Mas.

5.43 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama rakan saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda sempena Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga Parlimen Ketujuh hari Isnin lalu.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan 32 tahun yang sudah, pemimpin politik kita masih terlibat dalam mencari penyelesaian pada maksud perpaduan dan keharmonian di antara semua kaum. Perselisihan faham di antara kaum perlu dihapuskan supaya seluruh rakyat Malaysia dapat bekerjasama untuk membangun satu negara yang kuat, progresif dan makmur.

Parti-parti politik di negara kita seharusnya mengelakkan diri dari mempolitikasikan isu-isu di negara ini. Jika isu ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan agama dipolitikasikan, ianya akan menggugat keharmonian dan kestabilan yang wujud di antara kaum di negara ini. Kita tidak ingin negara kita hancur akibat tindakan-tindakan golongan tertentu yang memudaratkan persahabatan di antara rakyat berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Tuhan oleh kerana telah memelihara negara kita daripada krisis yang mungkin dapat menggugat kestabilan negara seperti Korea Selatan dan Filipina. Walaupun ada segelintir rakyat kita mempunyai pendapat politik yang berlainan dari Kerajaan, pada keseluruhannya keadaan politik di negara kita adalah kukuh dan terselamat. Rakyat Malaysia daripada semua lapisan perlu memahami saling menghormati corak hidup, adatresam, kebudayaan dan agama sesuatu kaum di negara ini supaya perpaduan di antara kaum dapat kita rapatkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh hal ekonomi, saya mengalu-alukan penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Negara oleh Kerajaan baru-baru ini. Saya berharap agar Majlis yang dianggotai oleh wakil dari semua golongan masyarakat dapat membuat satu rekomendasi yang baik dan adil kepada Kerajaan untuk menggubal Dasar Ekonomi Negara selepas 1990. Memandangkan matlamat Dasar Ekonomi Baru belum lagi dicapai, saya merayu kepada Kerajaan supaya Dasar Ekonomi Baru selepas 1990 mengambil kira pertumbuhan ekonomi dan juga pengagihan pembahagian kekayaan supaya jurang pendapatan ketara yang wujud di antara rakyat dapat dihapuskan untuk mencapai keadilan sosial. Restructuring, dengan izin, di bawah Dasar Ekonomi Baru perlu diteruskan supaya kaum bumiputera dapat diberi hak di bawah perkembangan ekonomi selepas 1990.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan pesat yang dialami oleh ekonomi rantau Pasifik dan dunia sekarang ini tentu akan memberi cabaran hebat kepada ekonomi negara Malaysia. Sejajar dengan prinsip demokrasinya, Malaysia mengamalkan sistem ekonomi terbuka. Ini tentu akan mendedahkan kepada perubahan kritikal yang dialami oleh ekonomi

dunia. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, adalah perlu dasar fiscal yang prudent, simpanan domestik yang tinggi dan peningkatan pelaburan swasta yang dapat membendung negara kita daripada impact kelembapan ekonomi antarabangsa. Kita dapati bahawa di antara 1985 dan 1987 sektor yang mengalami kerugian banyak ialah sektor pembinaan yang mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang negatif tiga tahun berturut-turut, tetapi kita bernasib baik kerana pemulihan di sektor pertanian dan pembuatan yang telah menyelamatkan ekonomi kita daripada kesan buruk kelembapan ekonomi dunia.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu kesan kelembapan ekonomi dalam tahun 1985-1986 ialah peningkatan kadar pengangguran daripada 5% diawal 1980an kepada 9.1% dalam tahun 1987. Walaupun kadar ini dijangka menurun kepada 80% dalam tahun 1988-1989 akibat pemulihan ekonomi kita, tidak dinafikan bahawa di antara 180,000 hingga 220,000 anak muda yang masuk ke pasaran buruh tiap-tiap tahun kebanyakan mereka muda dan tidak mahir. Untuk menampung tenaga buruh yang meningkat ini, negara perlu mengekalkan pertumbuhan perkapita KDNK ke tahap 4.3% setiap tahun supaya mutu kehidupan rakyat tidak merosot dan tidak terjejas. Untuk menentukan pertumbuhan perkapita KDNK ini meningkat dan menerus, negara perlu menentukan KDNK bertambah daripada 6.6% kepada 7.2% setiap tahun supaya sejajar dengan pertumbuhan kadar pendudukan yang kian meningkat. Pada penghujung tahun 1987, Malaysia mempunyai tenaga buruh berjumlah 5.7 juta di mana 2 juta bekerja di sektor pertanian, kira-kira 35.3% satu penurunan jika dibanding dengan 47.6% dalam tahun 1975.

Walau pun sektor pembuatan bertumbuh dengan pesat di masa yang

sama. sektor ini hanya dapat menampung 14.4% jika dibanding dengan 11.1% dalam tahun 1975. Sektor awam mengambil kira-kira 843,900 orang ataupun 13.5% tenaga buruh, satu peningkatan jika dibanding dengan 12.9% dalam tahun 1975.

Tuan Yang di-Pertua, senario masalah pengangguran ini menunjukkan kepada kita betapa pentingnya proses perindustrian kita perlu dipercepatkan untuk menampung tenaga buruh yang makin bertambah. Memandangkan anak muda kita enggan bekerja di sektor pertanian, dan tambahan pula kadar pertumbuhan kependudukan bandar, urban population growth, dengan izin, meningkat ketahap purata 4% setiap tahun, satu kadar yang lebih tinggi jika dibanding dengan kadar kependudukan nasional, national population growth, dengan izin, iaitu 2.7%.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya sektor swasta melipatgandakan pelaburan mereka di dalam negara untuk mempercepatkan proses perindustrian ini. Di dalam tahun 1985/1986 pelaburan swasta adalah negatif dan telah meningkat ke tahap 4.1% sahaja dalam tahun 1987, selepas Kerajaan mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan pelaburan. Dalam tahun 1988 pelaburan swasta dijangka meningkat dengan kadar 14.7% kebanyakan pelaburan di sektor petroleum dan pelaburan asing. Dalam tahun 1988 MIDA telah meluluskan 651 projek dengan nilai pelaburan sebanyak \$3.2 billion dan dijangka akan memberi pekerjaan kepada 120,351 orang apabila semua projek ini siap nanti. Ini merupakan satu peningkatan yang tinggi tetapi walau pun tinggi kalau dibanding dengan di Thailand, di Thailand pula dalam masa yang sama pelaburan asing ialah \$15 billion.

Saya menyeru Kerajaan supaya promosi pelaburan dipertingkatkan

untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan asing datang ke Malaysia. Negara kita mempunyai tenaga buruh yang mahir dan muda. Negara adalah stabil dan aman, exchange control, dengan izin, adalah liberal, dasar fiskal kita adalah prudent dan pragmatik. Kita adalah kaya dengan bahan mentah, kita mempunyai infrastruktur yang baik. Satu civil service, dengan izin, yang relatively efficient dan konsesi pelaburan yang liberal telah pun dikemukakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlu mengambil langkah untuk mendiversifikasikan sektor pembuatan Malaysia dan juga mempercepatkan pemindahan teknologi tempatan yang akan mewujudkan suasana untuk pembangunan industri berat di Malaysia. Sekarang ini Malaysia mempunyai kilang semi-conductor dan kemudahan eksport yang terbesar di dunia selain daripada Amerika Syarikat dan Jepun, akan tetapi semuanya adalah terletak di kawasan free trade zone, dengan izin, di mana industri ini tidak diintegrasikan dengan industri sokongan yang dimiliki dan diuruskan oleh rakyat Malaysia.

Oleh kerana itu kita tidak mempunyai advantage untuk merancang skop dan pasaran barangan pembuatan kita sebab semua perancangan adalah dibuat oleh pusat syarikat multi-national ini di negara mereka masing-masing. Saya menyeru Kerajaan supaya semua industri tempatan diintegrasikan supaya industri tempatan wajib memberi sokongan kepada perniagaan atau industri asing dan asas eksport industri tempatan perlu dikukuhkan dengan menggunakan bahan-bahan dan teknologi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Asia Barat dan sub-continent India akan menjadi rakan perdagangan penting Malaysia

menjelang tahun 2000, oleh kerana permintaan bahan mentah yang meningkat dan peranan Malaysia sebagai pengeksport barang pembuatan yang murah dan bermutu.

Perdagangan Malaysia dengan negara-negara Eropah akan berkurang selepas 1992 memandangkan kadar pelaburan EEC di ASEAN telah menurun jika dibanding dengan pelaburan Jepun. Oleh itu Kerajaan perlu merancang supaya excess kita ke pasaran Eropah selepas 1992 dapat kita kekalkan selain daripada menggunakan Mauritius sebagai launching board bagi barang pembuatan kita ke pasaran Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, momentum pertumbuhan ekonomi di ASEAN dan intra-trade dengan rantau Pacific barat iaitu Jepun, China, South Korea, Taiwan, Hong Kong, Singapura akan meningkat. Persaingan di dalam ASEAN akan menjadi hebat terutama di antara industri-industri tempatan yang dimiliki oleh rakyat di dalam ASEAN. Sekarang ini persaingan hebat untuk mendapatkan pasaran bagi komoditi kita di pasaran antarabangsa telah mula dengan Indonesia dan Thailand muncul sebagai pengeluar utama kelapa sawit, getah dan koko. Sepertimana yang kita lihat disektor kayu-kayan dan papan lapis persaingan hebat di dalam ASEAN akan membawa kepada perubahan di dalam bentuk kerjasama di antara ASEAN, dan kalau persaingan hebat ini tidak dikawali awal akan melemahkan semangat kerjasama di antara negara-negara di dalam ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengubah cara kita berniaga dengan negara Asia Barat sub-continent India dan China. Walaupun permintaan bagi bahan mentah dari Malaysia tinggi, malangnya negara ini mempunyai pertukaran wang asing yang kurang dan oleh kerana itu kita perlu

mewujudkan instrument perdagangan baru supaya kita dapat menerokai pasaran baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perjanjian perdagangan di antara Malaysia dan Iran baru-baru ini mungkin dapat menjadi model bagaimana perdagangan di antara Malaysia dan negara-negara ini dapat kita majukan.

Tuan Yang di-Pertua, dari sudut keselamatan negara dan rantau ASEAN pula, rantau ASEAN telah menjadi arena strategik tetap kepada kuasa besar iaitu Amerika Syarikat, Russia, China dan Jepun. Amerika Syarikat mempunyai pengaruh yang lebih balance dirantau ASEAN. Amerika Syarikat adalah rakan perdagangan dan juga rakan militer ASEAN tetapi persepsi bahawa Amerika Syarikat mula menjadi lemah sebagai kuasa terkuat di dunia telah mendorong negara-negara di rantau Asia Pacific menilai semula serta membuat ubahsuaian kepada perhubungan patron client mereka dengan kuasa besar. Dalam perkara ini satu perubahan yang nyata ialah kekurangan atau deesealation of tension, dengan izin, di antara Amerika Syarikat, Russia dan China akan membahayakan keselamatan negara kita dan ASEAN. Pemulihan keadaan diplomatik di antara Russia dan China harus menjadi keraguan bagi Malaysia dan ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya China dan Russia telah membuat perjanjian tertentu terutamanya di Laut China Selatan. Mungkin Russia akan membenarkan China menggunakan Laut China Selatan tanpa sekatan dengan China membenarkan Russia access kepada Cam Ranh Bay dan Danang di Vietnam. China telah membuat tuntutan atas Laut China Selatan di mana terdapat pulau-pulau atol, reef dan sebagainya. Jika China dapat membuat Laut China Selatan sebagai

miliknya, ini akan menjejaskan kebebasan pelayaran dan juga membawa kehadiran navy China dipertengahan rantau ASEAN.

Tambahan pula Thailand telah mulai berbaik-baik dengan China dan Thailand telah meminta China menyimpan stok senjatanya di Thailand dan ini telah dilakukan. Russia bersedia mengurangkan pengaruhnya di Vietnam supaya dapat memperbaiki perhubungannya dengan China, satu kuasa yang lebih penting daripada Vietnam.

Tuan Yang di-Pertua, jika kemunduran askar Vietnam dari Kampuchea membawa China ke Laut China Selatan, kita perlu meminta Amerika Syarikat supaya tetap di rantau ASEAN untuk menahan pergerakan China di Laut China Selatan. Kemunduran Vietnam dari Kampuchea akan mengeratkan perhubungan di antara Bangkok dan Beijing dan saya berpendapat Malaysia perlu berwaspada apabila Beijing—Bangkok Axis ini menjadi kenyataan. Jika China diberi tempat di Bangkok, pengaruh dan kedudukan China di rantau ASEAN akan menjadi kuat dan dijangka masa panjang China akan menjadi musuh pada negara kita dan ASEAN. Oleh itu negara kita perlu mengeratkan perhubungan di antara negara-negara di ASEAN dan juga kita perlu memperbaiki sistem pertahanan kita supaya kita dapat mempertahankan diri apabila diserang oleh musuh.

Tuan Yang di-Pertua, apakah visi kita untuk Malaysia menjelang tahun 2000? Bagi saya, saya rindu Malaysia yang stabil, aman dan damai di mana semua rakyat bangsa Malaysia hidup dalam keadaan harmoni dan bersatu padu. Saya ingin melihat rakyat Malaysia bekerja sama, membangun negara yang kita cinta ini supaya Malaysia menjadi kuat, makmur,

progresif dan dihormati oleh masyarakat dunia. Saya ingin melihat rakyat yang mundur dan miskin diberi peluang menikmati kehidupan yang selesa. Saya ingin supaya keadilan sosial dicapai bagi semua golongan masyarakat Malaysia.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan setinggi-tinggi junjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

6.02 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memberitahu mengenai pendapatan meningkat hasil daripada kenaikan harga barangan komoditi utama di sektor pertanian. Keadaan ini tidaklah 100% benar terutama sekali di kalangan pekebun kecil. Difahamkan bahawa kenaikan harga komoditi utama di pasaran dunia pada umumnya kurang berkesan ke atas perolehan pendapatan pekebun kecil.

Misalannya dalam pengeluaran kepentingan getah penjelasan adalah grad kepentingan getah yang dikeluarkan adalah bermutu rendah. Pihak RISDA mendakwa bahawa mereka sedang menjalankan projek percubaan menubuh kilang memproses susu getah disesebuah daerah penanaman getah untuk meningkatkan mutu kepingan getah yang dihasilkan. Sungguhpun begitu, faktor-faktor lain misalan Skim Penanaman Semula Getah kurang berjaya menarik pekebun-pekebun kecil yang benar-benar miskin dan terpaksa menanggung beban serta kos penanaman semula sementara

menunggu getah matang dalam masa 6 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tidak diberitahu sejauh manakah Skim Sepentas, Skim Penggalak Tanam Semula berjaya menarik pekebun-pekebun kecil yang mempunyai kebun getah di bawah 4 hektar untuk menjalankan penanaman semula. Skim ini memberi pinjaman tanpa faedah berjumlah di antara \$60 bagi pekebun yang mempunyai 2 hingga 4 hektar dan \$100 sebulan selama 6 tahun iaitu sehingga pokok getah matang. Jika bantuan wang "grant" yang diberi kepada keluarga-keluarga yang mempunyai kebun getah yang lebih besar kurang tertarik kepada Skim Penanaman Semula apatah lagi sambutan pekebun-pekebun kecil terhadap pinjaman Kerajaan tanpa faedah menurut draf Laporan Penghabisan (Final Draft Report) RISDA tahun 1982. Data pekebun kecil diberi yang tidak menyertai Skim Penanaman Semula Getah adalah 83.8% yang mana lebih separuh daripada mereka mempunyai di bawah 2 hektar tanah.

Di bawah sektor pertanian juga baru-baru ini Kementerian Pertanian sendiri mengumumkan bahawa ia telah mengenalpasti kira-kira 136,600 orang petani miskin dalam negara yang mempunyai pendapatan kurang daripada \$175 sebulan. Bilangan orang petani miskin lebih mirip pada masa sebelum DEB dilaksanakan iaitu 140,000 dalam tahun 1970. Apakah yang telah terjadi kepada wang berbillion-billion ringgit yang dikatakan dilaburkan oleh Kerajaan ke dalam sektor pertanian khususnya ke arah membasmi kemiskinan bahagian penduduk itu?

Pembangunan sektor pertanian bukanlah sekadar meningkatkan daya pengeluaran serta pengurusan yang lebih cekap tetapi juga melibatkan pengesyoran yang berbagai-bagai bentuk bantuan terutama sekali

bantuan kewangan sampai kepada lapisan masyarakat tersebut yang benar-benar memerlukannya. Di sini saya hendak menekankan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Yang Berhormat daripada kok Lanas dan Batu Berendam tidak memberi pandangan mengenai bagaimana masalah-masalah yang telah saya sebutkan tadi dapat diselesaikan, cuma melaung-laungkan untuk menjadi jaguh sahaja. Itu adalah satu sikap yang tidak begitu bernas dan saya harap dapat diperbaikilah sikap-sikap seperti ini.

Pada permukaannya matlamat Kerajaan membasmi kemiskinan nampaknya tercapai apabila kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia dilapur telah menurun daripada 49.3% dalam tahun 1970 kepada 18.4% pada tahun 1984. Akan tetapi keterangan-keterangan pula tidak dibuat untuk memberitahu rakyat sekalian mengenai perbezaan jurang pendapatan di antara yang miskin dengan yang kaya-raja di kalangan setiap komuniti. Yang berkurangan hanyalah jurang pendapatan di antara kaum.

Misalannya perbezaan pendapatan di antara kaum Bumiputera yang kaya dengan yang miskin masih berada di tahap-tahap pada masa sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru malahan bertambah teruk. Keadaan ini dicerminkan menerusi nisbah di antara purata pendapatan dengan pendapatan median dalam komuniti Bumiputera. Nisbah ini ialah 1:43 pada tahun 1970 dan pada tahun 1984 meningkat kepada 1:46. Bagi komuniti China, peningkatan nisbah ini menurun dan menjelang tahun 1984 tahap yang dicapai sama dengan keadaan pada masa sebelum Dasar Ekonomi Baru iaitu 1:47. Hanya komuniti India sahaja yang nampaknya telah berjaya mengurangkan jurang perbezaan pendapatan di antara yang kaya dengan yang miskin iaitu daripada 1:56

pada tahun 1970 kepada 1:42 pada tahun 1984. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya belum pastilah sama ada angka ini yang benar-benar dapat membayangkan keadaan yang sebenarnya. Setahu saya keadaan kaum India lebih teruk daripada sebelum Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan terutamanya untuk orang-orang miskin seperti di estet, pendapatan mereka sudah kurang.

Saya pun ada dengar, Tuan Yang di-Pertua bercakap mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, berbanding dengan kaum keturunan Melayu dan keturunan Cina jurang di antara yang kaya dengan yang miskin itu bertambah teruk. Inilah perkara yang tidak pernah disentuh oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas dan Yang Berhormat dari Batu Berendam semasa melaung-laungkan menjadi jaguh tadi. Jadi adalah penting kalau setakat segolongan yang kecil sahaja meraih keuntungan dapat melaksanakan dasar-dasar dengan cara yang begitu buruk, penyelewengan yang besar sehingga wujudnya skandal-skandal yang terbesar seperti BMF dan sebagainya.

Jadi itulah saya hendak membentangkan di sini selain daripada pembasmian kemiskinan satu idea yang patut kita sokong, yang semua pun sokong. Tidak ada orang pun di Malaysia tidak sokong hendak membasmi kemiskinan. Tidak seorang pun tidak sokong untuk mencapai perpaduan negara. Itu semua baik, idea yang sempurna yang kita sokong, DAP pun sokong. Tetapi yang malangnya tidak termaktub di dalam Dasar Ekonomi Baru ialah sifat, akhlak dan moral. Itu penting. Di dalam semua agama mempunyai akhlak dan moral tetapi di dalam DEB tidak ada. Itu masalah yang besar. Sehingga berbillion ringgit atas nama DEB dicurahkan untuk membangunkan luar bandar, mungkin lebih \$100 billion dicurahkan untuk

membangunkan kawasan-kawasan luar bandar. Tetapi apakah taraf prestasi, hasil dan consequence daripada perbelanjaan yang sebegitu besar itu membawa kesan yang lebih baik yang setaraf dan sejajar dengan amaun yang dibelanjakan. Itu yang tidak pernah disoalkan oleh wakil dari Kok Lanas dan Batu Berendam. Itulah satu

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Peraturan Mesyuarat 13—cukup bilangan. Saya rasa kita tidak cukup bilangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak cukup kuorum. Setiausaha, bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kuorum cukup. Yang Berhormat dari Kepong boleh sambung.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penomena lain yang berhasil dari usaha Kerajaan membasmi kemiskinan ialah pemindahan kemiskinan daripada kawasan luar bandar ke kawasan bandar. Di mana bilangan rumahtangga miskin di kawasan bandar meningkat daripada 85,900 buah dalam tahun 1970 kepada 97,700 dalam tahun 1983. Sebaliknya penurunan dalam bilangan rumahtangga yang miskin di kawasan luar bandar tidak mencatat perubahan yang sederhana dalam tempoh masa yang sama iaitu daripada 705,900 kepada 619,700.

Tuan Yang di-Pertua... penomena penghijrahan orang-orang di luar bandar masuk ke bandar menimbulkan masalah sosio-ekonomi dan kita tidak nampak ada penghijrahan sebaliknya daripada bandar ke luar bandar. Jadi, Yang Berhormat dari Kok Lanas dan Batu Berendam dan ramai lagi dari pihak Barisan Nasional tidak pernah menyebut bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah penghijrahan yang menimbulkan masalah sosio-ekonomi

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Batu Berendam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): Terima kasih Yang Berhormat dari Kepong.

Saya tertarik hati dengan persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kepong iaitu menyebut nama saya, Wakil dari Batu Berendam dan Yang Berhormat dari Kok Lanas, mengemukakan cara mana hendak menyelesaikan masalah. Yang sebenarnya saya hendak beritahu Yang Berhormat dari Kepong bahawa kalau Yang Berhormat dan Ahli-ahli yang lain dari DAP menyertai Majlis Perunding Ekonomi Negara yang ditubuhkan oleh Kerajaan, saya rasa tidak perlu kita berbincang di sini kerana di Majlis Perunding Ekonomi Negara itu macam-macam masalah secara detail dan terperinci kita bincang dan kita cari jalan untuk menyelesaikannya. Itulah forum yang sebenarnya tujuan Kerajaan mewujudkan Majlis Perunding Ekonomi Negara untuk dijadikan satu forum dan kita telah jemput Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP. Tetapi malangnya Ahli Pembangkang ini tidak bersetuju hendak menyertai Majlis Perunding Ekonomi Negara. Jadi saya harap kalau boleh timbangkan balik untuk menyertai MPEN ini dan kita

berbincang di sana secara detail. Terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik hati dengan penjelasan ataupun hujah itu. Sebenarnya dia minta jalan sahaja tetapi dia berhujah pula. Memang DAP bersedia menyertai MPEN. Sebenarnya kami mendesak pihak Kerajaan terutama pihak Perdana Menteri mewujudkan satu MPEN yang benar-benar *bona fide*, boleh membayangkan lapisan-lapisan masyarakat yang berada di negara ini termasuk membebaskan Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Yang Berhormat dari Tanjong kerana mereka mengemukakan kritikan dan sebagainya

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Batu Berendam dulu.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi jalan dan kepada Yang Berhormat dari Kepong. Yang Berhormat ada menyebut tadi bahawa memang menjadi harapan DAP supaya Kerajaan apabila menubuhkan MPEN ini benar-benar mencerminkan keadilan Kerajaan. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat dari Kepong, jumlah

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila minta penjelasan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat benar-benar sedar, faham atau tidak bahawa jumlah wakil-wakil yang duduk dalam Majlis Perunding Ekonomi Negara itu mencerminkan penduduk kaum di negara ini iaitu 50% bumiputera dan 50% bukan bumiputera. Terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, beliau ini kurang pasti mengenai bilangan, cuma dia boleh sebut bukan Melayu dan Melayu sahaja. Yang bagaimana, kriteria apa yang digunakan untuk memilih, itu dia tidak tahu. Itulah salah, itu tidak patut.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta sekali lagi, Yang Berhormat dari Kepong. Saya hendak tahu

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong. Yang pertama, boleh atau tidak saya faham semua orang DAP, semua ini tidak layak dan bukan bodoh, lebih kurang macam itulah. Tidak layak, cumanya

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya kata macam itu. Yang layak cuma dua orang sahaja iaitu Yang Berhormat dari Tanjong dan juga anaknya yang layak, sebab mereka beri syarat pembebasan dua orang ini, bolehlah mereka menyertai MPEN. Orang lain yang ada ini tidak layak termasuk yang bercakap ini pun tidak layak, betul atau tidak? Itu penjelasan yang pertama.

Yang kedua, dia berkata cara pemilihan dari segi Melayu dan bukan Melayu. Kalau Yang Berhormat hendak tahu, masuk tengok. Saya salah seorang daripada ahli MPEN, saya mengetahui dan saya melihat dari segi 50%-50% ini daripada bumiputera dan bukan bumiputera

menunjukkan, malah dalam keadaan-keadaan tertentu kalau kita lihat, bukan bumiputera melebihi. Sebab apa, sebab istilah bumiputera yang kita gunakan itu. Tuan Speaker pun Ahli MPEN, tetapi Tuan Speaker tidak mahu tolong minta penjelasan tadi. Saya pun hairan kenapa.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak boleh masuk di gelanggang ini. Yang Berhormat mesti faham.

Dr Tan Seng Giaw: Memang Tuan Yang di-Pertua itu faham, dia tahu apa yang saya maksudkan tadi itu, mungkin dia setuju tetapi malanglah sebagai Tuan Speaker tidak dapat menyuarakan

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta penjelasan sedikit sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Speaker, nantilah sekejap dahulu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini fasal mengaitkan Tuan Speaker

Dr Tan Seng Giaw: Tidak sempat saya menjawab

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk!

Dr Tan Seng Giaw: Tidak sempat saya jawab. Jadi, Yang Berhormat dari Arau ini dia kata saya bodoh. Benar saya bodoh, kerana tidak pandai untuk mengambil peluang untuk mencaci orang, dia pandai, sungguh pandai. Dari segi itu saya bodoh, tidak berani untuk hendak caci orang dan sebagainya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta penjelasan, berilah.

Dr Tan Seng Giaw: Janganlah hendak mencaci.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak, tidak saya tidak mencaci, okay.

Dr Tan Seng Giaw: Gunakan perkataan manis sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: All right, no problem.

Dr Tan Seng Giaw:bahasa baku.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya guna bahasa baku. Saya kata lebih kurang macam itulah. Kenapa kita beri syarat. Ini berkelulusan doktorkah, tetapi tidak berani masuk MPEN. Kenapakah beri syarat supaya dua orang ini dibebaskan dahulu barulah ada orang DAP yang layak. Saya rasa dari segi mencaci dalam Malaysia ini tidak boleh lawan DAP. Yang mencaci kuat DAPlah. Malah berita MPEN adalah rahsia, tetapi *Rocket* telah mengeluarkan apa semua orang bercakap dalam MPEN, semua ini *Rocket* keluarkan. Ini bukan sahaja satu perbuatan mencuri rahsia, mengkhianat, tetapi mencaci dan juga mencemar maruah MPEN. Ini *Rocket* bukan sahaja terlibat dalam mencaci, saya rasa gila semua—*Rocket*lah, bukan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Speaker, benar saya gila, kerana saya tidak berani

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dia tidak kata Yang Berhormat gila.

Dr Tan Seng Giaw:saya tidak berani untuk mengeluarkan sangkaan yang begitu jahat, dia berani, dia tidak gila. Kalau orang tidak gila buat begitu, kalau gila saya tidak tahulah, entah kelakuan itu akan jadi apa lagi.

Tuan Speaker, satu lagi sahaja di sini, bagaimana Pengerusi MPEN itu dilantik. Adakah bila perlantikan itu dibuat kira latarbelakang, kerana pada

tahun 1987 nama Tan Sri Ghazali Shafie itu disebutkan di dalam satu skandal di Papua New Guinea yang kononnya satu syarikat pengeksportan balak yang nilai atau amaun skandal itu ialah AS\$61 juta? Adakah kes ini selesai? Adakah nama Tan Sri Ghazali Shafie itu bersih di dalam skandal ini? Kami tidak tahu, rakyat Malaysia tidak tahu. Kalau ada nama itu disebutkan, baik kita pastikan dahulu sama ada Tan Sri Ghazali Shafie terlibat di dalam skandal ini ataupun tidak. Jadi, Yang Berhormat dari Arau dan Batu Berendam dan sebagainya, dia tidak kira

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Dr Tan Seng Giaw:siapa pun boleh. Mana pun boleh.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Parit.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat dari Kepong, adakah Yang Berhormat dari Kepong mahu mempertikaikan kewibawaan Ahli-ahli MPEN yang melantik Tan Sri Ghazali Shafie dan adakah Yang Berhormat faham apakah itu makna demokrasi?

Dr Tan Seng Giaw: Memang saya hendak tanya balik apakah yang disebutkan sebagai demokrasi penyertaan, participatory democracy. Bila kita hendak lantik orang itu memang satu undi rahsia. Di dalam perlantikan MPEN itu adakah undi rahsia? Adakah calon yang lain, tidak ada nampaknya

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Minta penjelasan

Dr Tan Seng Giaw: Dan bagaimana dilantik? Tidak adakah saudara Yang Berhormat tadi meneliti latarbelakang dan isu-isu yang timbul. Bukankah satu skandal seperti yang berlaku di Papua New Guinea itu boleh dianggap sebagai tidak sesuai bagi seseorang menjadi satu Pengerusi MPEN yang begitu penting untuk merumuskan satu Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan

Dr Tan Seng Giaw: Jadi

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Arau bangun dahulu.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Arau dahulu. Adakah Yang Berhormat dari Kepong beri jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ambo nak ghoyak sedikit ini.

Dr Tan Seng Giaw: Ghoyak!

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta Yang Berhormat, kalau Perak saman bahasa saya, saya tidak tahu bahasa baku, kalau Perak saman, tidak payah bercakaplah. Perak saman ini macam bukan bodoh, lebih kurang macam itulah, tidak payah bercakap. Syarat-syarat yang boleh ahli-ahli

MPEN itu terkeluar daripada menjadi ahli telahpun ditetapkan. Ahli-ahli sendiri yang membuat cadangan, bukan kita yang membuat cadangan. Itulah demokrasi. Tetapi yang saya hairan, Yang Berhormat cuba hendak detail apa yang orang bercakap dalam MPEN semua ini. Ahli Yang Berhormat tahu, macam mana ini? Ini satu skandal yang besar yang telah berlaku, lebih daripada Watergate. Saya ingat Menteri Dalam Negeri patut ambil tindakan tangkap kepala-kepala otak ini, macam mana boleh dapat mengetahui apa yang orang bercakap. Apa yang orang bercakap memang banyak. Saya pun bercakap banyak. Saya kata macam-macam kepada DAP. Tetapi yang penting ialah keputusan itu, keputusan itu yang penting. Apa yang orang cakap details yang orang bercakap, semua ini telah diketahui. Maknanya dia telah meletakkan alat-alat perakam suara. Tuan Yang di-Pertua kena terang kepada Yang Berhormat, dia tidak boleh bercakap semua ini, salah itu.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat! Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada banyak lagi?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak ada masa, Yang Berhormat. Ada banyak lagi?

Dr Tan Seng Giaw: Banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh, kalau saya beri pun.....duduk Yang Berhormat! Yang Berhormat boleh sambung pada hari Isnin selama lima minit.

Dr Tan Seng Giaw: Wah! (*Ketawa*)

2.30 petang hari Isnin, 13hb Mac, 1989.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Dewan ditangguhkan sehingga pukul

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.